

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 106 ● 12 - 18 MAC 2021 ● PP19441/12/2018 (035014) ● PERCUMA

www.wilayahku.com.my

@ wilayahku.com.my

f Wilayahku

@akbarwilayahku

Wilayahku

WK TV

DBKL fokus kecekapan tugas, cakna elemen pembaharuan

AMANAT Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa sempena satu tahun pentadbirannya menekankan kepentingan elemen cakna dalam membina semula kehidupan warga kota khususnya di Kuala Lumpur yang terjejas ekoran pandemik COVID-19.

Aspirasi yang dikongsi menteri telah memberi panduan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mempermudahkan setiap permohonan bagi membantu menjana ekonomi di Kuala Lumpur.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, perkara tersebut hanya dapat dicapai

melalui kerjasama yang kukuh dalam memenuhi hasrat warga kota sekali gus membantu pemulihan kehidupan mereka.

"Melihat kepada cara warga DBKL bekerja khususnya dalam menguruskan permohonan kebenaran merancang dan kecekapan para pegawai ini telah memberikan hasil

yang baik.

"Dalam tempoh setahun ini, DBKL meluluskan sebanyak 36 buah projek pembangunan dan ia akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat seperti yang dimaklumkan menteri," katanya kepada *Wilayahku* pada Rabu.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Istigomah setahun Annuar Musa



BAGI Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, tempoh 365 hari perkhidmatannya bukan untuk dibanggakan sebaliknya ia perlu dijadikan cerminan untuk Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bergerak ke hadapan dan meningkatkan prestasi.

Tambahan pula, sepanjang menerajui

kementerian itu, beliau perlu mengharungi detik getir berikutnya negara terpaksa berhadapan penularan wabak COVID-19 yang mengakibatkan ekonomi runtuh.

Malah, sepanjang tempoh itu, kerajaan berupaya melihat 'sisi hitam' rakyat yang hidup dalam kesempitan dan kesusahan.

Justeru, Annuar menetapkan supaya

tempoh setahun itu dijadikan penanda aras untuk kementerian mempertingkatkan program khususnya kebijakan warga Wilayah Persekutuan dan pembangunan terancang, sekali gus memberi perkhidmatan cemerlang kepada warga kota.

BERITA LANJUT DI MUKA 2 DAN 3



700 pelajar IPT bakal peroleh bantuan

>> 8



Rejuvenasi Jalan Bunus >> 9, 10, 11 & 12



Kopie Perang,
My Berry Drink
kebanggaan
Zainab >> 15

Annuar mahu tingkat program kebajikan, wujud pekerjaan baru

Muhasabah setahun pemerintahan

NAZWIN NAZRI

SAYA harap angka setahun bukan untuk dibanggakan tetapi untuk kita lihat tahap keberkesanan, bergerak ke hadapan dan mempertingkatkan lagi program yang dilaksanakan," tegas Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPR Annuar Musa.

Beliau yang genap setahun merajui Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) pada 10 Mac lalu turut menyatakan, keupayaan berkhidmat kepada rakyat adalah berkat dokongan dan kesungguhan jabatan serta agensi terlibat.

Malah, kata beliau, sepanjang tempoh itu, kerajaan turut diuji dengan situasi getir akibat penuaran wabak COVID-19, namun kebajikan rakyat tetap terbela menerusi inisiatif baharu seperti Wilayah Prihatin dan Program 5MY.

"Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah. Setahun bertugas ini, kita

ambil kesempatan ulang tahun pertama untuk melihat sejauh mana pencapaian program yang dilaksanakan kementerian.

"Walaupun dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), saya gembira kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berjaya menyegerakan pembangunan projek menerusi penyediaan insentif kepada pemaju yang sanggup meneruskan projek mereka, seperti pembinaan tahun lalu sehingga pertengahan tahun ini yang diberi diskain atau rebat bagi kos pembangunan yang bernilai jutaan ringgit," katanya.

Malah, Annuar memaklumkan, hasil kegigihan itu, 36 projek pembangunan swasta yang melibatkan nilai pembangunan hampir RM40 bilion berjaya diluluskan sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan baharu melibatkan sektor pembinaan.

Selain itu, beliau berkata, sepanjang tempoh 365 hari berkhidmat, kira-kira setengah juta penerima



ANNUAR serah sumbangan barang makanan termasuk beras kepada penerima secara pandu lalu, menerusi inisiatif 5MY KWP baru-baru ini. - Gambar fail

langsung bantuan program kecaknaan menerima manfaat di bawah paket prihatin.

Justeru, ujarnya, diharapkan

bah baik data penerima menerusi kerjasama Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA).

Ketika disoal berhubung tahap pencapaian pelaksanaan program, Annuar berkata, secara keseluruhannya adalah 100 peratus kerana segala peruntukan daripada kementerian dan agensi berjumlah RM4 bilion digunakan untuk kepentingan rakyat dengan sebaiknya.

"Ini sukar disukat kerana ada beberapa projek yang jadi projek sakit atau lembab dan sedang diberi perhatian.

"Tetapi secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan RM4 bilion itu, pencapaian 100 peratus malah tidak cukup lagi," jelas beliau.

Merujuk pembangunan di Kuala Lumpur, tambah Annuar, perbelanjaan bukan hanya didokong sektor kerajaan, ia turut melibatkan sektor swasta sebagai contoh 36 projek bernilai RM40 bilion yang baharu diluluskan. **WK**

Pelaburan tinggi di Kuala Lumpur beri impak positif - Mahadi

DARI MUKA DEPAN

AZLAN ZAMBRY

MENURUT Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, ibu negara bakal menyaksikan pelaburan yang tinggi setelah proses permohonan dipermudahkan dan ia bakal memberi impak positif terhadap prestasi ekonomi.

"Untuk nilai pembangunan kasar (GDV) yang dicatatkan dalam 36 projek tersebut adalah kira-kira RM40 bilion.

"Daripada projek tersebut, ia akan mencipta peluang pekerjaan di Kuala Lumpur dan ia berlaku dalam tempoh yang singkat disebabkan warga DBKL melaksanakan kerja dengan cekap," katanya.

Menjelas mengenainya, Mahadi berkata, perkara tersebut hanya dapat dicapai melalui kesungguhan pegawai untuk bekerja bersama-sama dengan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan dalam masa sama, ia dapat membantu menyemarakkan pertumbuhan ekonomi.

Beliau memberitahu, antara lain, amanat tersebut turut mengingatkan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk melaksanakan kerja-kerja penyusunan penjaja agar mereka dapat menikmati hasil yang memberangsangkan daripada jualan ketika tempoh yang mencabar ini.

"Penyusunan ini akan membuka ruang yang lebih baik untuk penjaja dan ia hanya untuk mereka yang diberikan lesen sahaja.

"DBKL akan mempermudahkan dalam pemberian lesen serta membantu dalam pemilihan lokasi yang bersesuaian termasuklah kemudahan dan akses untuk pelanggan agar mereka dapat berniaga dengan selesa bersesuaian dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) sekali gus dapat menghasilkan keuntungan yang baik untuk mereka," katanya.

Mahadi berkata, bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan penyampaian

kepada warga kota, kaedah amalan berfikir di luar kotak menjadi panduan agar sesuatu masalah dapat ditangani dengan cepat dan berkesan.

"Sudah pasti ia melibatkan beberapa SOP yang menjadi amalan pegawai dan kakitangan DBKL sebelum ini dan kami mempermudahkan SOP yang ada untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik untuk warga kota.

"Apa yang penting ia dapat memberikan kemudahan untuk rakyat dalam semua aspek termasuklah lokasi perniagaan, permohonan lesen, kebenaran perancangan dan permohonan permit-permit yang lain dengan cepat agar ia dapat mengurangkan kos yang perlu ditanggung," katanya. **WK**



MAHADI

PENCAPAIAN SETAHUN WILAYAH PRIHATIN

Program MY5

Program menangani isu kos sara hidup, kelangsungan hidup rakyat serta membasmi kemiskinan di Wilayah Persekutuan.



Bagi tahun 2020 sahaja, lebih 35,000 orang dan ketua isi rumah serta 331 perumahan kos rendah KL telah menerima bantuan.

MYJQb@Wilayah

Menyediakan peluang pekerjaan kepada warga Wilayah Persekutuan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 meliputi bidang:



Sebanyak 3,259 pekerjaan telah ditawarkan di ibu kota laju 29% lebih tinggi daripada sasaran asal.

MYSchoolBus@Wilayah

Bantuan bas sekolah percuma kepada pelajar terpilih di KL.



Seramai 9,704 pelajar di 67 kawasan perumahan awam kos rendah telah diberikan bantuan melibatkan 94 orang pengendali bas sekolah.

Dua lebuhraya bakal lancar aliran trafik

Kampung Baru Loops dibangunkan

NAZWIN NAZRI

KAMPUNG Baru, Kuala Lumpur yang dikatakan terpinggir dari arus pembangunan dan kemodenan akan diberi nafas baharu menerusi pelaksanaan projek Kampung Baru Loops dalam tempoh tiga tahun.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, menerusi projek itu, masalah aliran trafik yang sering membelenggu penduduk setempat dan pengunjungnya juga dapat diselesaikan.

Ini kerana, kata beliau, Kampung Baru akan dihubungkan dengan Lebuhraya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH) dan Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (DUKE).

"Kampung Baru sekarang macam tertutup, tidak ada akses walaupun lebuhraya lalu di tepinya.

"Oleh itu, dari DUKE akan masuk ke Pekeliling, Jalan Tun Razak. Jalan itu akan terus diperbesarkan melalui Jalan Hospital dan ia akan melalui Jalan Raja



LEBUHRAYA DUKE yang akan dihubungkan dengan Kampung Baru dilah mampu melancarkan aliran trafik di kawasan segi tiga emas itu.

Muda dan masuk ke Kampung Baru," katanya.

Mengulas lanjut, Annuar ber-

kata, jalan tanpa tol yang akan diwujudkan itu akan melibatkan peruntukan sebanyak RM250 juta.

Beliau berkata, terowong yang bermula di Jalan Raja Abdullah melalui Jalan Sultan Ismail akan turut dibina dan laluan itu kembali memasuki AKLEH tanpa perlu lagi melalui persimpangan lampu isyarat.

Menurutnya, pembinaan yang direncanakan itu merupakan antara prasyarat utama untuk membolehkan pembangunan yang lebih besar di Kampung Baru.

"Seperti sedia tahu, plot ratio tinggi (Kampung Baru) boleh mencucuk skala 10. Jadi, lokasi itu mesti mempunyai aliran trafik yang efisien dan Kampung Baru Loops ini akan menyelesaikan masalah berkenaan.

"Kita jangkakan (pelaksanaan) tiga tahun bermula tahun ini," jelasnya. **WK**

REAKSI

L Secara keseluruhannya, Tan Sri Annuar berkongsikan aspirasi beliau yang mahu menjadikan Kementerian Wilayah Persekutuan serta agensi agar terus mempertingkatkan peranannya dalam kehidupan warga Wilayah Persekutuan yang sebelum ini terkesan akibat pandemik COVID-19.



Kita akan terus mempergiat dan memantau pelaksanaan program-program bantuan yang telah dan sedang berlangsung dan dalam masa yang sama KWP akan terus melaksanakan program-program baharu, meluaskan jaringan keselamatan sosial untuk kemakmuran rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

DATUK SERI ROSIDA JAAFAR

Ketua Setiausaha KWP



L BAGI pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) saya mengucapkan terima kasih atas pengumuman menteri yang mahukan Putrajaya bukan sahaja dikenali sebagai Bandar Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, tetapi ia bakal dikenali sebagai Bandar Sukan dan Rekreasi.

Inisiatif ini akan meningkatkan lagi imej Putrajaya sebagai bandar yang mesra pelawat dan pelancong serta akan menyemarakkan lagi elemen vibrant and lively agar ia menjadi bandar berdaya huni bukan sahaja dalam kalangan penjawat awam, tetapi ia turut menjadi tumpuan ahli perniagaan dan syarikat swasta untuk menjadikan Putrajaya sebagai salah satu destinasi pilihan mereka.

DATUK MUHAMMAD AZMI MD ZAIN

Presiden Perbadanan Putrajaya



L ALHAMDULILLAH melalui ucapan menteri yang mengumumkan pelaksanaan jambatan Labuan-Sabah yang telah memasuki peringkat akhir terma rujukan (TOR) sebelum ia di iklankan untuk proses Permohonan Cadangan (RFP) nyata ia tidak meninggalkan pembangunan Labuan.

la satu berita yang sangat baik untuk warga Labuan yang bukan sahaja rakyat Malaysia tetapi masyarakat antarabangsa dalam sektor kewangan dan minyak dan gas di Labuan. Melalui projek tersebut, ia dijangka dapat meningkatkan lagi jaringan perhubungan dan lonjakan ekonomi bukan sahaja di pulau Labuan termasuk juga seluruh Borneo.

DR FARY AKMAL OSMAN

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan

Bazar Ramadan: DBKL tunggu keputusan MKN

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang membuat persiapan untuk membuka semula bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri bagi memberi peluang kepada peniaga tempatan untuk menjana pendapatan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa berkata, pihaknya telah mengadakan perbincangan mengenai perkara tersebut di peringkat pihak berkua-sa tempatan (PBT) dan ia akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan (JKKKNWP) untuk proses selanjutnya.

"Antara perkara yang dibincangkan adalah cadangan prosedur operasi standard (SOP) untuk diangkat ke peringkat Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Kita perlukan keputusan mukatmad MKN kerana masih dalam perintah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya da-

lam sidang akbar selepas Majlis Perhimpunan Bulanan KWP pada Rabu.

Menurut Annuar, secara umumnya MKN mula memberikan kebenaran dan melonggarkan sedikit SOP bagi membolehkan aktiviti ekonomi berjalan.

Justeru, ujar beliau, DBKL membuat persiapan untuk pembukaan kedua-dua bazar tersebut sekiranya MKN meluluskan permohonan JKKKNWP termasuklah mengenal pasti tapak dan peniaga yang berminat.

"Tapak dan mereka (peniaga) yang terlibat telah dikenal pasti. Ketika ini tinggal lagi bagaimana hendak diubahsuai misalnya kalau dengan penjarakan kerana yang pemohonnya banyak tetapi tempat sempit," katanya.

Annuar berkata, sekiranya orang ramai dapat menunjukkan contoh yang baik seperti apa yang dibuka



LORONG Tuanku Abdul Rahman (TAR) diindahkan untuk penjajaan dan berkemungkinan dijadikan tapak Bazaria Aidilfitri.

sekarang, maka lebih mudah untuk pihak MKN memberi kelulusan.

Dalam pada itu, beliau turut men-

atau dua hari untuk membuat ketetapan sama ada mengekalkan atau memindahkan semula lokasi bazar Ramadan di Jalan Raja. **WK**



PENCAPAIAN SETAHUN WILAYAH PRIHATIN



inisiatif pasar bergerak ke kawasan perumahan kos rendah menjual barang basah dan keperluan harian pada harga 5% hingga 20% lebih murah daripada harga pasar awam.



Trak MYGrocer telah bergerak ke 30 lokasi Perumahan Awam dan Perumahan Rakyat di KL.

MYFood@Wilayah

Bantuan bakul makanan yang terdiri daripada keperluan harian kepada golongan miskin bandar.



CAKNA KEMISKINAN
BY WILAYAH PERSEKUTUAN

Seramai 32,000 ketua isi rumah di KL telah menerima manfaat.

MY Medic@Wilayah

Perkhidmatan klinik bergerak bagi membuat rawatan asas secara percuma kepada penduduk perumahan kos rendah di KL.



Perkhidmatan disediakan di 12 lokasi PPR/PA yang bersesuaian.

PPj taja program *The Tunku Azizah Handmade Market*

Bantu warga Putrajaya jana pendapatan sampingan

AINI MAWAWI
Foto FARIS AZMI PPj

BAGI menunjukkan tanda sokongan serta prihatin ke atas inisiatif ‘The Tunku Azizah Handmade Market’ dan juga bersempena Sambutan Jubli Perak Putrajaya, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan kursus jahitan ‘Intan Hand Carry Bag’.

Kursus jahitan selama satu hari yang dianjurkan oleh Persatuan Seni Jahitan Kreatif Malaysia (PSJKM) tersebut bakal membuka peluang kepada peserta untuk mempelajari teknik jahitan beg tangan daripada tenaga profesional.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat PPj, **Tengku Aina Tengku Ismail Shah**, PPj berharap dengan tajaan tersebut, peserta dapat menimba ilmu jahitan sebanyak mungkin untuk persediaan diri.

“Diharap dengan tajaan ini akan dapat meningkatkan kemahiran komuniti Putrajaya dan seterusnya memberikan keyakinan kepada peserta untuk menceburi perniagaan pada masa akan datang,” ujarnya yang menyambut baik pembukaan 100 kedai online ‘The Tunku Azizah Handmade Market’.

Tambahnya lagi, Kursus Jahitan ‘Intan Hand Carry Bag’ itu bakal diadakan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur.

“Sebanyak 100 kedai online ‘The Tunku Azizah Handmade Market’ dilancarkan oleh Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah secara maya.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR
Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN
Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

PENOLONG PENGARANG
Nazwin Izan Ahmad Nazri
winwilayahku@gmail.com



KURSUS jahitan membuka peluang kepada peserta untuk mempelajari teknik jahitan beg tangan daripada tenaga profesional.



PROGRAM Kulinari Komuniti Putrajaya baru-baru ini bagi memperkasakan kemahiran dalam bidang kulinari kepada golongan belia dan suri rumah.

Dalam titah perutusannya, baginda turut merakamkan penghargaan kepada PPj dan kesemua agensi yang terlibat dalam menjayakan program tersebut,” ujarnya.

ANJUR PROGRAM KULINARI

Dalam perkembangan lain, PPj juga melaksanakan Program Kulinari Komuniti Putrajaya baru-baru ini bagi memperkasakan kemahiran dalam bidang kulinari kepada golongan belia dan suri

rumah dalam kumpulan B40, sekali gus menjana ekonomi keluarga.

“Program seperti ini dapat memberi pendedahan kepada peserta berhubung penghasilan produk yang berkualiti serta berpotensi tinggi di pasaran di mana ia boleh diproses secara home based industry dan seterusnya melahirkan ramai usahawan dalam kalangan komuniti Putrajaya.

“Kelas tersebut memfokuskan pembuatan biskut perayaan tanpa perlu

Menarik Mac

■ Sabtu, 13 Mac 2021 (8.45 pagi) - Kursus Pengendali Makanan Presint 8, Putrajaya

■ Sabtu, 20 Mac 2021 (4 petang - 5.40 petang) - Global Happiness Forum 2021, Putrajaya - Secara maya

mengeluarkan modal besar serta penggunaan peralatan canggih. Modul kedua pula menyediakan menu bajet masakan penjaja yang ringkas, mudah disediakan di rumah, murah serta sedap,” ujarnya. WK

WARTAWAN KANAN
Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN
Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Wong Siew Mun
wongsiew.mun@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer6@gmail.com
Syahidi Bakar
diwilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA
Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Mohd Fadly Bharudin
fadlybharudin@gmail.com
Taufik Mohd Pauze
kikkywilayahku7@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO
Mohd Nazirul Mohd Roselan
nazirulwilayahku@gmail.com
Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwktv@gmail.com
Azly Fariq Ramly
azlyfariq@yayasanwp.org.my

PEMASARAN
Mohd Zuhairi Mazlan
zuhairi@yayasanwp.org.my
V Kumar Veeran
veeran101@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN
Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@yayasanwp.org.my
Jumaitul Lailly Zakiah Ismail
jumaitul@yayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm8686@gmail.com



Kini musim lompat parti?

PARLIMEN boleh bersidang dalam masa perisyiharan darurat yang berkuatkuasa hingga 1 Ogos 2021. Namun khabarnya persidangan tidak akan diadakan. Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 pula dijangka diadakan apabila pandemik COVID-19 reda. Belum diketahui bila.

Yang rancak berlaku sekarang ialah lompat melompat parti. Terbaharu, dua Ahli Parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR) keluar parti dan memberi akuan sokongan kepada kerajaan Perikatan Nasional (PN). Mereka ialah wakil rakyat Julau, Sarawak, Larry Sng Wei Shun dan wakil rakyat Tebrau, Johor.

Juga bertukar haluan ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sebatik, Sabah, Hassan Amir Gani. Dia meninggalkan Warisan untuk menyokong Gabungan Rakyat Sabah (GRS) yang dianggotai oleh Perikatan Nasional (PN), Barisan Nasional (BN) dan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Tiga ADUN Johor yang mewakili Amanah pula bertukar haluan kepada PKR. Mereka ialah Khairuddin A Rahim, Faizul Amri Adnan dan Muhamad Said Jonit, masing-masing ADUN Senggarang, Serom dan Mahkota.

Sokongan dua wakil rakyat PKR kepada PN sudah pasti memberi kelebihan kepada kerajaan. Majoriti kerajaan di dalam parliment bertambah, menjadikan kerajaan lebih kukuh.

Bagi wakil rakyat pembangkang yang berubah haluan melompat masuk ke dalam sesama parti pembangkang tidak dapat dipastikan apa matlamatnya. Mungkin ada sebab peribadi atau sekadar ingin bertukar angin.

Sama ada lompat melompat parti ini akan berterusan sukar diramal. Tetapi tidak mustahil trend yang berlaku sekarang akan berterusan sehingga menjelang PRU ke-15.

Di pihak kerajaan PN, tentunya ia bersedia menerima mana-mana wakil rakyat yang ingin menukar haluan memberi sokongan. Ia akan membantu meletakkan kerajaan pada kedudukan lebih kuat mentadbir negara dan dalam usaha memerangi pandemik Covid-19 serta memperkuuh ekonomi demi kesejahteraan rakyat.

Annuar terajui KL City FC

AKTIF sungguh Tan Sri TPr Annuar Musa. Dalam kesibukan menjalankan tugas Menteri Wilayah Persekutuan dan Ahli Parlimen Ketereh, beliau terlibat pula dengan sukan apabila menerima tawaran sebagai presiden merangkap penaung Kelab Bola Sepak Kuala Lumpur City (KL City FC).

Bagaimana pun beliau menerima tawaran tersebut dengan bersyarat. Antaranya tawaran itu adalah atas kapasiti peribadi, bersifat sukarela tanpa memegang apa-apa kepentingan dan tidak menerima apa-apa ganjaran.

Berbakti kepada KL City FC bermakna Annuar kembali ke kancang bola sepak tanah air. Sebelum ini beliau pernah menjadi Presiden Peraturan Bola Sepak Kelantan (KAFA) dari 2007 hingga 2017.

Pada era kepimpinannya, pasukan bola sepak Kelantan begitu menyerlah. Pada tahun 2012 Kelantan mencapai kejayaan cemerlang dengan merangkul tiga kejayaan serentak (treble) iaitu juara Liga Super, Piala FA dan Piala Malaysia.

Pada tahun itu juga, Kelantan muncul naib juara Piala Sumbangsih Sultan Ahmad Shah dan berjaya ke peringkat suku akhir Piala Konfederasi Bolasepak Asia (AFC).

KL City FC yang bermain dalam Liga Super musim ini pasti mengharapkan sentuhan Annuar untuk membantu kejayaan pasukan itu berdasarkan rekod baik yang dicatat oleh Annuar semasa menerajui Kelantan.

Pemilihan Annuar dianggap langkah tepat. Kehadirannya dipercayai akan mengembalikan kecemerlangan pasukan KL City FC yang merupakan antara pasukan hebat dalam kancang bola sepak negara sebelum ini.

Pasukan Kuala Lumpur pernah memenangi Piala Malaysia tiga kali tahun berturut-turut pada 1987, 1988 dan 1989 ketika bekas Datuk Bandar, Allahyarham Tan Sri Elyas Omar menjadi presiden. Menariknya, pada ketiga-tiga perlawanan akhir di Stadium Merdeka lawan Kuala Lumpur juga sama, iaitu Kedah. Jaringan pula masing-masing 1-0, 3-0 dan 2-1.

Jika KL City FC mampu menyinar pasti akan merangsang semangat para pemain setia mereka untuk kembali memberi sokongan. Selama ini mereka menjauahkan diri apabila prestasi pasukan malap. Annuar adalah harapan untuk menarik mereka kembali.



WE LOVE SHOPPING

RM1,000 VOUCHER

F&B VOUCHER



1 – 21 Mac 2021

Cabutan Bertuah

3x Baucar Bernilai RM1,000 Untuk Dimenangi Setiap Minggu

Belanja RM100 dan ke atas tidak melebihi 2 resit di kedai-kedai F&B atau fesyen terpilih untuk peluang menerima Baucar Membeli-Belah Alamanda bernilai RM1,000.*



* Tertakluk kepada terma dan syarat. Sementara stok masih ada.
Imej yang ditunjukkan hanya untuk tujuan ilustrasi.

Untuk informasi lanjut, kunjungi Kaunter Concierge kami atau hubungi +603-8888 8882

Roda Ganjaran

Terima sekeping baucar F&B apabila anda berbelanja.*

Istimewa untuk Kakitangan Kerajaan

Terima kemasukan tambahan di dalam Cabutan Bertuah.*



Sertai kami di [Facebook](#) [Instagram](#) [AlamandaShoppingCentre](#) [www.alamanda.com.my](#)

Pemintaan tenaga buruh pulih tapi pengangguran meningkat sedikit

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KEDUDUKAN tenaga buruh di Malaysia pulih sederhana pada Januari 2021 dengan peningkatan kecil kadar pengangguran pada 4.9 peratus, menurut Statistik Tenaga Buruh yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Isnin.

Pasaran buruh terus berdepan dengan situasi yang mencabar berikutan peningkatan bilangan kes baharu COVID-19. Berikut itu, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 dilaksanakan mulai 13 Januari 2021 di kebanyakan negeri dan telah dilanjutkan sehingga 04 Februari 2021.

Pada fasa ini, hanya lima sektor ekonomi penting dibenarkan beroperasi, manakala aktiviti perjalanan rentas negeri dan daerah dihadkan.

Keadaan ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap momentum pemulihan perniagaan dan seterusnya pasaran buruh.

Oleh itu, kedudukan tenaga buruh pada Januari 2021 pulih sederhana digambarkan melalui peningkatan bilangan tenaga buruh pada bulan tersebut.

Pertambahan dalam penduduk bekerja adalah lebih tinggi berbanding peningkatan bilangan yang menganggur; menunjukkan kenaikan permintaan buruh oleh perniagaan.

Tenaga buruh pada Januari naik 0.2 peratus dengan tambahan sebanyak 31.5 ribu orang merekodkan 16.02 juta orang (Disember 2020: 15.99 juta orang). Pada bulan tersebut, penyertaan tenaga buruh meningkat pada kadar 68.5 peratus (Disember 2020: 68.4%).

Kadar pengangguran pada

Januari meningkat sedikit kepada 4.9 peratus (Disember 2020: 4.8 peratus) dengan tambahan sebanyak 9.7 ribu orang penganggur kepada 782.5 ribu orang (Disember 2020: 772.9 ribu orang).

Peningkatan bilangan penganggur yang berterusan sebagianya adalah susulan daripada penelitian semula strategi perniagaan dalam industri berkaitan pelancongan yang terdiri daripada penginapan dan perkhidmatan makanan, pengangkutan penumpang, hiburan dan aktiviti rekreasi.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, ketika PKP 2.0, hanya sektor ekonomi penting yang dibenarkan beroperasi iaitu sektor pembuatan, pembinaan, perkhidmatan, perdagangan edaran, serta perlادangan dan komoditi.

Sementara itu, sebanyak 30 peratus pekerja dalam kumpulan pengurusan dibenarkan berada di pejabat manakala bagi kakitangan kumpulan sokongan adalah tertakluk kepada keperluan.

Keadaan ini menyebabkan bilangan penduduk bekerja turus meningkat dengan pertambahan sejumlah 21.9 ribu orang kepada 15.24 juta orang pada Januari 2021.

Justeru, nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan kemampuan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga meningkat kepada 65.2 peratus (Disember 2020: 65.1 peratus).

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan turus meningkat bulan ke bulan terutamanya dalam aktiviti



PERMINTAAN kepada tenaga buruh kembali pulih pada suku pertama tahun ini bagaimanapun secara keseluruhan pengangguran meningkat sedikit.

perdagangan borong dan runcit; Kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial dan Pendidikan.

Sementara itu, guna tenaga dalam industri berkaitan pelancongan kekal dalam trend menurun menggambarkan industri ini terjejas secara berterusan disebabkan oleh pandemik.

Sektor pembuatan mengekalkan pertumbuhan positif guna tenaga bagi bulan ketiga, manakala sektor pembinaan juga mencatatkan peningkatan. Walau bagaimanapun, guna tenaga dalam sektor pertanian dan perlombongan dan pengkuarian turus mencatatkan trend penurunan sejak tujuh bulan yang lalu.

Mengulas lanjut mengenai taraf pekerjaan, **Dr Mohd Uzir Mahidin** berkata kategori pekerja yang merangkumi 77.7 peratus daripada

berkemungkinan besar tidak dapat bekerja tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan untuk dikembalikan.

Penduduk di luar tenaga buruh terus mencatatkan penurunan bagi bulan kedua dengan merekodkan pengurangan sebanyak 6.0 ribu orang kepada 7.37 juta orang Januari 2021.”

Merumuskan keseluruhan situasi tenaga buruh, Dr Mohd Uzir Mahidin berkata walaupun PKP 2.0 dilaksanakan, perkhidmatan penting bagi lima sektor ekonomi dibenarkan beroperasi seperti biasa dengan pematuhan kepada prosedur operasi standard yang ketat.

Justeru, ianya telah membolehkan beberapa kesan ekonomi dan kesihatan awam dapat disimbangkan, dengan penyesuaian terhadap norma baharu.

Melihat kepada keadaan krisis kesihatan pada awal tahun 2021, pasaran buruh dijangka berdepan dengan situasi yang tidak menentu pada suku tahun pertama.

Walau bagaimanapun, dengan fasa pertama program vaksinasi yang telah bermula pada 24 Februari 2021, usaha ini dilihat memberi suntikan positif terhadap keadaan krisis kesihatan di Malaysia. Seterusnya, dengan pelbagai inisiatif di bawah PENJANA, PRIHATIN dan Pakej Bantuan PERMAI, akan dapat menyokong kelangsungan perniagaan dan kedudukan tenaga buruh yang lebih baik.

Melalui usaha ini, ketidaktentuan pasaran buruh berkemungkinan dapat diminimumkan dan seterusnya mempercepatkan momentum pemulihan pasaran buruh.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku
MEDIA WARIA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]	
FULL PAGE	26cm X 33cm RM7,500
HALF PAGE	26cm X 17cm RM5,500
QUARTER PAGE	12cm X 17cm RM4,500
PANEL PAGE [INNER]	26cm X 6cm RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]	
FRONT BANNER 1080px X 96px	RM2,500
MIDDLE BANNER 1080px X 280px	RM2,000
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px	RM1,500
HALF PAGE 350px X 500px	RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 300 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

012-208 6354 (V. KUMAR VEERAN)

Pengurus Pengiklanan

011-1069 2962 (ZUHAIRI)

Eksekutif Jualan dan Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

Aras 9, Blok 1,
Menara Seri Wilayah,
62100 Putrajaya.

Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100, Putrajaya. Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Mengubah wajah tanah rizab Melayu

SEDIH dan geram hati Adi apabila mendengar kata-kata kurang enak yang menyifatkan kawasan rizab Melayu di Kuala Lumpur sebagai mundur dan 'sakit mata memandang'.

Kawasan-kawasan ini dianggap tidak setanding dengan kehebatan kawasan di luar rizab tersebut.

Kerana itulah ia dianggap kawasan terabai serta jauh ketinggalan daripada segi pembangunan.

Kampung Baru, Segambut, Sungai Penchala dan Datuk Keramat misalkan dilihat seperti menempel kepada pembangunan di sekitar sedangkan kawasan rizab itu sendiri tidak membangun sejarah peredaran masa.

Keadaan ini sudah lama wujud namun tiada usaha konkrit dilakukan bagi membangunkan kawasan rizab ini agar setara dengan keadaan sekeliling. Ambil Kampung Baru sebagai contoh.

Kampung Baru terkepung oleh pelbagai pembangunan moden di sekelilingnya sedangkan ia tetap sebuah kampung tradisi yang di dalamnya masih terdapat banyak rumah dan bangunan usang. Usaha membangunkan Kampung Baru selama ini masih buntu.

Begitu juga keadaannya dengan Datuk Keramat, Segambut dan Sungai Penchala yang terpinggir daripada pembangunan sekeliling. Kepesatan pembangunan di sekitar tidak tempias kepada kawasan rizab Melayu.

Bagi Kampung Baru, sekurang-kurangnya sudah ada pelan pembangunan dirancang berdasarkan Pelan Induk Pembangunan Kampung Baru.

Seperti ditegaskan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa, pelan ini bakal menukar Kampung Baru menjadi kawasan kediaman dan *commercial standing* dengan sekelilingnya.

Namun kawasan rizab Melayu yang lain masih memerlukan perhatian. Kerana itu Adi menyambut baik langkah yang digerakkan oleh Annuar dan kementerian untuk memajukan kawasan rizab Melayu di Segambut, Sungai Penchala dan Datuk Keramat.

Usaha murni ini, yang akan meningkatkan nilai harta tanah rizab Melayu dan meningkatkan identiti kawasan berkenaan serta mengangkat martabat penduduknya, seharusnya sudah lama dilakukan.

Tidak mengapa, masih belum terlalu lambat. Sekurang-kurangnya kesedaran ke arah itu sudah ada.

Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memberi fokus kepada pembangunan prasarana di kawasan rizab berkenaan bagi

“Kampung Baru terkepung oleh pelbagai pembangunan moden di sekelilingnya sedangkan ia tetap sebuah

kampung tradisi yang di dalamnya masih terdapat banyak rumah dan bangunan usang. Usaha membangunkan Kampung Baru selama ini masih buntu.”

mempastikan ia tidak ketinggalan dalam arus pembangunan masa depan.

Ketidak seimbangan pembangunan di kawasan rizab Melayu dengan di luar kawasan merupakan perkara utama yang hendak diperbetulkan oleh kerajaan bagi mengelakkan kepincangan berterusan.

Menurut Annuar, gejala ini berlaku kerana di kawasan luar rizab Melayu prasarananya lengkap menyebabkan terdapat banyak pelaburan swasta. Pemilik tanah pula berusaha memajukan tanah masing-masing.

Kedaaan sebaliknya berlaku di kawasan rizab Melayu. Pemilik tanah tidak membuat pelaburan atau tidak berminat membangunkan tanah mereka. Prasarana juga tidak dinaik taraf mengakibatkan kawasan rizab Melayu menjadi kampung yang tertinggal dalam bandar.

Kerana itu kerajaan mahu memperbaikkan keadaan ini. Adi berharap langkah yang diambil oleh KWP akan dapat mengubah sikap pemilik agar proaktif serta peka dengan pembangunan jika tidak mahu kawasan mereka terus ketinggalan.

Ingat, usaha kerajaan sukar berjaya tanpa kerjasama penduduk terlibat.

ROHINGYA CABAR PIHK BERKUASA

ROHINGYA benar-benar

“Naik taraf infrastruktur di Kampung Sungai Penchala, Segambut KWP fokus bangunkan kawasan rizab

Naik taraf infrastruktur di Kampung Sungai Penchala, Segambut

KWP fokus bangunkan kawasan rizab

AZLAN ZAMRI

KEMENTERIAN Wilayah Persekutuan (KWP) dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan memberi tumpuan khusus dalam merancang pembangunan prasarana di kawasan rizab Melayu supaya kawasan tersebut tidak ketinggalan daripada arus pembangunan pada masa hadapan.

"Jadi, saya mahu jabatan yang merancang termasuk DBKL, pejabat tanah dan agensi yang berkaitan untuk mengalih perhatian mereka terhadap pembangunan di kawasan rizab Melayu dan di kampung-kampung tradisi," katanya kepada penulis selepas melaksana lawatan ke Kampung Sungai Penchala pada Sabtu.

"Berasa bukti tidak keselarasan pembangunan antara kawasan rizab Melayu dan di luar kawasan rizab Melayu. Kawasan luar rizab Melayu pihak sekali pun mengalih perhatian pada masa hadapan."

"Selain koperasi, plot besar dan pengytoran akan dibuktikan semula se

padu Sungai Penchala merangsang

potensi bagi kawasan tersebut turut

menyumbang kepada pembangunan

Segambut Sungai Penchala pada masa hadapan."

meningkatkan prasarana dan pembiayaan pula memajukan kawasan rizab masing-masing.

"Semasa itu, kerajaan masih Melayu pentak tanah tidak membiaya, pelaburan atau tidak mahu mendekati tanah mereka, maka prasarana juga tidak diberi, maka mereka yang datang ke kawasan rizab tidak diberi manfaat," katanya.

"Jadi, saya mahu jabatan yang merancang termasuk DBKL, pejabat tanah dan agensi yang berkaitan untuk mengalih perhatian mereka terhadap pembangunan di kawasan rizab Melayu dan di kampung-kampung tradisi," katanya kepada penulis selepas melaksana lawatan ke Kampung Sungai Penchala pada Sabtu.

"Berasa bukti tidak keselarasan pembangunan antara kawasan rizab Melayu dan di luar kawasan rizab Melayu. Kawasan luar rizab Melayu pihak sekali pun mengalih perhatian pada

ANNUAR Musa bertemu dengan kerajaan dan ahli politik di Segambut. (Foto: Astro AWANI)

serta dibangunkan untuk kawasan perumahan yang berkepadatan rendah.

"Semasa itu, kerajaan masih Melayu pentak tanah tidak membiaya, pelaburan atau tidak mahu mendekati tanah mereka, maka prasarana juga tidak diberi, maka mereka yang datang ke kawasan rizab tidak diberi manfaat," katanya.

"Ketika itu tidak terhad kepada Sungai Penchala sahaja tetapi ke pada semua kawasan tanah rizab Melayu dan ia hendaklah dimulakan segera mula tanah ini akan menggunakan pemilik tanah," katanya.

Sementara itu, Annuar mahu semua pihak termasuk penduduk dan penjawat awam terlibat sama dalam membangunkan kawasan rizab Melayu semula projek

Anda boleh scan QR untuk mendapat video berita ini.



KERATAN Wilayahku edisi 104.

mencabar pihak berkuasa. Inilah kesimpulan Adi. Sudah diberi amaran, sudah diambil tindakan tetapi mereka tetap tidak peduli.

Mereka kembali berniaga di Pasar Borong Kuala Lumpur (PBKL) sekalipun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerap bertindak tegas, termasuk menyita barang.

Pasar Borong adalah kawasan 'out of bound' bagi peniaga asing. Mereka tidak dibenarkan berniaga dan bekerja di situ seperti dahulu. Hanya rakyat tempatan dibenarkan.

Namun kelompok ini tetap berdegil. Amaran dan tindakan pihak berkuasa dipermainkan. Mereka jelas berani mencabar pihak berkuasa.

Memetik laporan Wilayahku, berdasarkan aduan yang diterima melalui talian PERTIWI, kelompok Rohingya memenuhi kawasan sekitar pasar borong dengan membuka gerai-gerai kecil menjual sayur-sayuran dan bahan mentah.

Lebih teruk, mereka sering pula bergaduh dengan rakyat tempatan sehingga menghamburkan kata-kata

berunsur penghinaan dan luah.

Adi berharap pihak DBKL jangan sekali-kali memberi muka kepada peniaga Rohingya atau mana-mana peniaga asing.

Mereka yang degil tidak seharusnya diberi maaf, apakah lagi jika sudah melakukan kesalahan berulang kali.

Usah sekadar menyita barang, tapi tangkap mereka dan ambil tindakan undang-undang.

Mereka yang sudah berkali-kali sengaja melanggar peraturan tidak perlu dikasihani. Hantar sahaja mereka pulang.

Peniaga boleh hidup jika ada pembeli. Oleh itu Adi harap rakyat tempatan tidak membeli barang daripada peniaga asing ini.

Jangan juga memberi bekalan bahan jualan kepada mereka. Perbuatan ini hanya menyokong kegiatan mereka dan membolehkan mereka terus beroperasi.

Dilaporkan, ada juga pemilik tapak yang menyewakan tapak niaga kepada peniaga asing.

Tetapi apabila ada operasi DBKL mereka sendiri pergi berniaga seolah-olah kononnya mereka sendiri yang berniaga.

Adi percaya DBKL sudah masak dengan taktik ini. Oleh itu syor Adi, ambil tindakan paling tegas terhadap pemilik tapak niaga terlibat kerana melindungi peniaga asing serta membiarkan mereka menjalankan aktiviti tidak dibenarkan.

- Adi Tuah

SAJAK

KINI YANG BERBEZA

Andai dahulu kita begitu tergesa-gesa memenuhi tuntutan dunia dan rutin yang berjela berkejar masa dan nafas tidak sempat dihela

Namun kini kita begitu lapang mengurus kebun sunyi berbicara dengan alam jua pepehonan sesekali menjadi pujangga yang memuja keindahan dan terasa begitu panjang waktu sebelum menyirat mimpi di anjung peraduan

Bulan dan mentari masih tetap sama tidak pernah alpa menyinari cahaya namun ternyata lanskap kehidupan telah berbeza antara dahulu dan kini terlalu jauh jaraknya

Sujata Wee
Wakaf Bharu, Kelantan

SUARA MUDA

Sewaktu usia masih akrab dengan muda hadirnya bertandang waris nusa bermadah di podium persada segenap ungkapan kalimat kata bertemakan kesahihan faktta berpaksikan kesahihan ilmu tidak pernahmu membisu.

Sungguh lantang nadamu tiba berbicara cukup dibawa ke mercu buana menyanggah kekhilafan menegak kebenaran.

Benarlah kata pujangga "Berikan aku sepuluh pemuda nescaya akan kugoncangkan dunia."

Anak muda teruslah menjulang tinggi hujahmu yang santun dan pekerti semarak di setiap ceruk desa mengukir jasa yang abadi membangga anak pertiwi.

Lim Wei Wen
Batu Berendam, Melaka

SKETSA



Ali Tuah

YWP alu-alukan pelajar mohon peruntukan Skim Bantuan Awal

700 pelajar IPT bakal peroleh bantuan



SEBAHAGIAN pelajar yang menerima Skim Bantuan IPT tahun lalu.

AINI MAWAWI

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) mengalau-alukan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan yang ingin melanjutkan pengajian memohon Skim Bantuan Awal Ke IPT di bawahnya.

Bantuan secara 'one-off' kepada pelajar yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT sama ada awam atau swasta di dalam maupun luar negara ini bertujuan meringankan beban mereka yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah.

Menurut Ketua Pegawai



Eksekutifnya, **Datuk Zaizalnizam Zainun**, dengan bantuan tersebut,

para pelajar dapat menyediakan kelengkapan pengajian.

Ujarnya, ada juga pelajar yang menjadikan sumbangan tersebut sebagai kos perjalanan ke universiti masing-masing.

"Saya kira ia sangat membantu mereka lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu saat ini.

"Oleh itu, jangan jadikan alasan tiada wang untuk memulakan pengajian," ujar beliau.

Tambah Zaizalnizam, skim tersebut dikhaskan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD).

"Bagi tahun 2021, kita menjalankan 700 penerima yang akan mendapat manfaat daripada bantuan ini berbanding tahun lalu, 350 pelajar," katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Antara syarat dan kriteria Skim Bantuan Awal Ke IPT ialah pemohon mestilah lahir di Wilayah Persekutuan, ibu atau bapa atau penjaga merupakan pengundi dan menetap di Wilayah Persekutuan serta mempunyai pendapatan perkapita RM1,000 ke bawah.

WK

Penduduk harap rizab jalan tidak disalahguna, punca laluan sempit

NAZWIN NAZRI

SIKAP penting diri dan tidak menghiraukan keadaan sekeliling menyebabkan masalah kejiranan semakin tinggi sehingga mengundang pergaduhan, terutama di kawasan bandar.

Ini kerana, terdapat segelintir individu yang sewenang-wenangnya menjadikan hak awam seperti rizab jalan sebagai milik persendirian dengan menjadikannya lokasi parkir atau 'kebun'.

Salah seorang pengadu talian PERTIWI memaklumkan, tindakan beberapa jiran di perumahan Kampung Petaling, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur membesarkan rumah sehingga melepas rizab jalan menyebabkan laluan keluar dan masuk ke kawasan itu sempit.

"Saya ingin mengambil kesempatan ini memohon keprihatinan dan jasa baik Tan Sri (Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa) untuk memberi pertimbangan sejawarnya bagi membina jalan keluar dan masuk ke Kampung Petaling.

"Ia disebabkan sebahagian jalan yang sedia ada sudah dipagari seorang pemilik tanah di situ. Ekoran itu, laluan menjadi semakin sempit kerana terdapat beberapa rumah yang dibina di atas rizab jalan," adunya.

Menurutnya lagi, individu terlibat juga tidak mengendahkan notis pemberitahuan mengosongkan tapak yang dikeluarkan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PPTG) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertarikh 23 Disember 2020.



PARKIR kenderaan di hadapan rumah jiran antara isu yang sering mencetuskan pergaduhan dan sukar dikawal, terutama di kawasan perumahan. - Gambar hiasan

PERTIWI

Info ADUAN

PERTIWI

WhatsApp
: 013-680 6666
: 013-688 7777

DBKL

Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya

Tel : 03-8000 8000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan

Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku

WhatsApp
: 011-5958 7489

Rebut ganjaran RM1,000 di Alamanda hingga 21 Mac

PELANGGAN di pusat beli belah Alamanda berpeluang memperoleh ganjaran apabila berbelanja sekurang kurangnya RM100 dari sekarang sehingga 21 Mac 2021.

Pelanggan yang berbelanja di restoran dan fesyen terpilih akan diberi ganjaran berupa baucar F&B apabila mereka mengambil bahagian dalam peraduan 'Wheel of Rewards'.

Hadiah yang lebih lumayan menanti para pelanggan ketika Cabutan Bertuah Mingguan di mana baucar membeli belah di Alamanda yang bernilai RM1,000 bakal ditawarkan kepada tiga pemenang setiap minggu selama tiga minggu.

Ketua Pegawai Eksekutif Suria KLCC Sdn Bhd, Andrew Brien berkata, cara penyertaan sangat mudah yang mana pelanggan hanya perlu berbelanja, mengisi borang penyertaan, mendapatkan pengesahan daripada pegawai khidmat pelanggan, memasukkan borang yang lengkap ke dalam bekas cabutan bertuah yang disediakan dan seterusnya putarkan 'Wheel of Rewards'.

"Penjawat awam pula layak mendapatkan borang penyertaan berganda. Pengurusan Alamanda akan membuat cabutan untuk menentukan pemenang Cabutan Bertuah setiap minggu

hingga kesemua sembilan pemenang dikenal pasti. Kesemua pemenang akan diumumkan pada 25 Mac 2021.

"Baucar membeli belah tersebut sah digunakan sehingga 31 Jun 2021 di mana kedai F&B dan fesyen di Alamanda yang mengambil bahagian.

"Dengan adanya tawaran menarik sebegini, sekarang adalah masa yang terbaik untuk membeli belah di Alamanda yang sentiasa menjanjikan setiap kunjungan pengalaman yang penuh ganjaran," katanya. WK



WHEEL OF REWARDS perlu diputar bagi membolehkan pengunjung menang hadiah.

REALITI KEHIDUPAN

RODA KOTA

12 - 18 MAC 2021 . BIL 106

Wilayah Ku

Rejuvenasi Jalan Bunus




AZLAN ZAMBRY

MENYELUSURI laluan batu bata di sepanjang Jalan Bunus bermula dari perkaranan Masjid India hingga ke perkaranan Komplek membeli-belah Semua House, pengunjung akan disajikan dengan landskap yang menarik yang bersesuaian dengan imej baharunya sebagai pusat tumpuan warga kota.

Kawasan itu juga sering menjadi tumpuan terutama orang Melayu untuk membuat persiapan untuk menyambut Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri kerana disitulah terletaknya lokasi utama bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri dibenarkan beroperasi di kawasan itu satu ketika dahulu selain beberapa pengusaha pakaian tradisional melayu yang beroperasi di Wisma Yakin sejak puluhan tahun yang lalu.

SAMBUNGAN DI MUKA 10, 11



Pembangunan semula, imej dan identiti dipelihara



PENGINDAHAN sekitar Jalan Bunus dan Masjid India dilaksanakan untuk menjadikan kawasan tersebut antara destinasi kunjungan utama di ibu kota.

DARI MUKA 9

Kawasan tersebut kini telahpun berubah apabila pakej pengindahan sungai dan kawasan sekitarnya yang menelan lebih RM100 juta telah menampakkan hasil sekaligus proses merejevunasikan imej Masjid India dan Jalan Bunus dianggap telah mencapai matlamatnya.

Pembaharuan tersebut merupakan satu inisiatif Kerajaan Persekutuan melalui Projek River Of Live (RoL) yang menyasarkan kawasan di sekitar lembangan Sungai Kelang, Sungai Gombak dan Sungai Bunus dinaiktaraf demi membina imej ibu kota bertaraf dunia.

Di sepanjang laluan lebih 1 kilometer itu, pengunjung akan melalui deretan kedai-kedai lama yang menjual barang kemas dan pakaian selain beberapa pasaraya yang menjual barang keperluan harian menjadikan kawasan tersebut tidak pernah surut dengan kehadiran orang ramai yang berurus di situ setiap masa.

Selain itu, kawasan itu turut

menjadi penempatan untuk pekerja warga asing yang bekerja di tokotoko fabrik dan butik baju di sekitar Jalan Bunus, Jalan Tuanku Abdul Rahman dengan menyewa lot-lot rumah kedai di kawasan tersebut termasuklah tiga kawasan lain iaitu Selangor Mansion, Malayan Mansion dan Menara City One yang pernah menggemparkan seluruh negara apabila mencatatkan ratusan kes positif COVID-19.

TOK JA BUNUS

Menelusuri sejarah lampau, kawasan yang terletak berhampiran lembangan Sungai Bunus mendapat namanya daripada seorang pahlawan Mandailing bernama Jabanus atau dikenali sebagai Tok Ja Bunus yang pernah terlibat Perang Kelang ataupun Perang Saudara Selangor yang berlaku dari tahun 1867 hingga 1874. Dalam satu peristiwa, dikatakan Tok Ja Bunus telah mati ditikam dalam satu pergaduhan oleh salah seorang panglima Tunku Kudin, menantu kepada Almarhum Sultan Abdul Samad di sungai

ini. Dalam pergaduhan tersebut, keris yang dipegangnya tidak jatuh tetapi terapung di udara dan cuba diambil oleh panglima tersebut namun keris itu jatuh tenggelam ke dalam sungai dan terus hilang tanpa dapat dikesan. Sejak dari peristiwa tersebut, sungai tersebut dikenali dengan nama Sungai Bunus sempena kehebatan ilmu perang Tok Ja Bunus.

Sejarah kawasan ini tidak terhad kepada orang-orang melayu, bahkan ia turut menjadi tumpuan kepada pedagang-pedagang Islam dari India berbangsa Chulia. Sebuah masjid kemudian didirikan pada tahun 1863 sebagai bukti kawasan tersebut menempatkan kaum pedagang tersebut dan ia melalui beberapa fasa pengubabsuaian dari tahun 1900 hingga 1952 dan pada tahun 1964, struktur lama digantikan dengan sebuah bangunan baharu tiga tingkat yang boleh menempatkan kira-kira 3,000 jemaah dalam satu-satu masa sehingga hari ini. Batu asas pengubabsuaian masjid tersebut diletakkan oleh Sultan Selangor ke lapan, Almarhum Sultan

Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj.

ASPIRASI KWP

Inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang

memperkenalkan program Urban Renewal atau pembaharuan bandar bertujuan memberikan wajah baharu di kawasan-kawasan sekitar ibu kota demi

kepentingan komuniti setempat selaras dengan aspirasi KWP yang mahu meningkatkan taraf kehidupan warga kota.

Pengarah Jabatan Pelaksanaan Projek dan Penyelenggaraan Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) Noorzaini Noordin berkata, projek pengindahan kawasan sekitar Jalan Bunus dan Masjid India dilaksanakan untuk mengangkat kawasan tersebut menjadi ikon bandaraya agar ia setaraf atau lebih baik daripada bandaraya-bandaraya

yang lain di dunia.

"Program Pembaharuan Bandaraya yang dilaksanakan di kawasan ini mengambil kira peradaban dan nilai sejarah yang ada dan ia menjadi sandaran kepada konsep pembangunan di kawasan ini bagi memastikan imej dan identitinya dikekalkan dan terus dipelihara agar tidak ditelan perubahan zaman."



NOORZAINI

"Sekiranya kita melihat di bandaraya di negara lain, kawasan yang terlibat secara langsung dengan sejarah awal pembukaan satu-satu bandaraya akan terus dipelihara kerana ia menjadi tunjang kepada sesebuah kawasan tersebut dan konsep tersebut digunakan ke atas keseluruhan kawasan ini dalam program tersebut."

"Dan projek ini juga merupakan satu usaha untuk memperbanyak lagi kawasan-kawasan menarik di bandaraya



PROJEK menaik taraf menjadikan panorama sekitar kawasan ini kelihatan lebih bertenaga tidak kira siang ataupun malam.



PUSAT penjaja di Lorong Tuanku Abdul Rahman, bersebelahan Jalan Bunus.



BALAI Polis Masjid India yang berlatar belakangkan Selangor Mansion.

ini sekaligus menambahkan lagi kawasan pelancongan dalam Kuala Lumpur," katanya kepada *Wilayahku* pada Selasa.

Noorzaini berkata, projek pengindahan kawasan ini menelan belanja yang besar kerana ia tidak hanya melibatkan kerja-kerja pengindahan semata-mata, sebaliknya kerja berkaitan dengan pembaikian dan membaik pulih struktur tanah turut menjadi

"Kos projek ini agak besar dan ia melebihi RM100 juta. Ia termasuk dengan kos membaik pulih struktur tanah, perpaipan dan pembetungan bawah tanah.

"Selain itu, kos tersebut turut meliputi penggantian ruang siar kaki, laluan batu bata, pencahayaan dan perabot jalan serta senibina landskap di kawasan tersebut.

"Ia tidak sekadar di kawasan Jalan Bunus dan Masjid India, bahkan kos tersebut termasuklah pengindahan di Jalan Melayu dan beberapa kawasan berhampiran dengan tebing Sungai Bunus," katanya.

Noorzaini memberitahu, gaya hidup warga kota terutama golongan warga emas telah menjadi panduan kepada pihaknya dalam mereka bentuk projek tersebut termasuklah laluan di sepanjang projek RoL sehingga ke kawasan Jalan Bunus dan Masjid India.

"Kita mengambil kira golongan ini kerana mereka gemar menghabiskan waktu senggang di luar rumah bagi menghilangkan stress kerana itulah budaya dan cara hidup mereka. Ia tidak terhad di bandar-bandar, malah di kampung-kampung turut berlaku seperti itu.

"Oleh yang demikian, anda akan dapat melihat ramai warga emas yang menjadikan perabot-perabot jalan di kawasan ini menjadi tumpuan mereka termasuklah gelandangan di mana pihak DBKL sebagai pentadbir bandaraya perlu menyantuni mereka," katanya.

Tambah Noorzaini, konsep pembangunan tersebut turut mengambil kira nilai sejarah berkaitan dengan perkembangan Islam dan aktiviti perdagangan yang menjadi pusat kegiatan ekonomi pada masa itu.

"Kedua-dua elemen tersebut menjadi pasak kepada projek ini dan melaluiinya kita mahu ia terus berkembang sebagai pusat kegiatan ekonomi warga setempat serta menjadi lokasi tarikan pelancong

dari dalam dan luar negara," katanya.

JEJAK WARISAN

Menurut Noorzaini, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa turut berkongsi aspirasi dan falsafah dalam melaksanakan projek pembaharuan bandar di sekitar kawasan ibu kota agar ia dapat dimanfaatkan oleh semua golongan.

"Urban Renewal yang dilaksanakan dengan objektif untuk mengembalikan ruang yang ada dalam kawasan tersebut kepada rakyat yang berbilang bangsa, agama dan umur supaya ia menjadi ruangan yang boleh dimanfaatkan bersama.

"Ia termasuklah cadangan Tan Sri Annuar yang mahu menjadikan beberapa lokasi di kawasan itu dan sekitar lembangan Sungai Bunus sebagai kawasan kegiatan ekonomi melalui Program Usahawan Anak Muda Kota seperti yang dilancarkan tahun lalu dan ia menepati hasrat beliau untuk melihat kawasan yang terlibat dengan pembaharuan bandar ini tidak meminggirkan golongan muda," katanya.

Menurut Noorzaini, program Pembaharuan Bandar di keseluruhan kawasan itu perlu difahami secara keseluruhan kerana ia saling berkait dengan kemudahan yang ada serta program-projek menaiktaraf yang telah dilaksanakan sebelum ini.

"Sebagai contoh, sekiranya diperhatikan secara terperinci, ia berkait rapat dengan Jejak Warisan serta kemudahan Sistem Aliran Ringan (LRT) di Stesen Masjid Jamek.

"Apabila turun daripada Stesen LRT Masjid Jamek, pengunjung boleh melalui kawasan Jejak Warisan secara berjalan kaki ke Jalan Bunus sambil menikmati pemandangan yang ada tanpa merasa jauh kerana ia sebahagian daripada keseronokan di sepanjang laluan tersebut.

"Apabila berada di Jalan Bunus, ruang pejalan kaki dilebarkan dan ia bertujuan untuk memberikan kawasan yang luas kepada individu berjalan kaki untuk menikmati apa yang ada di sekitar kawasan itu," katanya.

Beliau berkata, kawasan tersebut turut menghadkan petak

parkir untuk orang ramai kerana ia merupakan satu konsep yang diamalkan oleh negara-negara maju.

"Bagi maksud itu, beberapa bangunan kawasan parkir kereta bertingkat dibina bagi kemudahan orang ramai untuk meletakkan kenderaan supaya kawasan tersebut menjadi laluan pedestriant seperti.

"Dengan laluan pedestriant yang dilebarkan, ia membolehkan ruang gunasama tersebut menempatkan

perabot-perabot jalan seperti bangku dan taman mini sebagai landskap bagi menambahkan seri kawasan tersebut," katanya.

Tambah Noorzaini, dalam melengkapkan program pengindahan bandar ini, pihak DBKL telahpun mempunyai beberapa perancangan untuk menaiktaraf beberapa fasiliti untuk kemudahan pengguna dan ia dilakukan secara berperingkat.

"Apa yang kita amalkan dalam projek ini, pembangunan dilakukan

di sebahagian kecil kawasan sebelum ia dibuka kepada orang ramai.

"Kita telahpun mempunyai beberapa perkara yang akan dinaiktaraf dan orang ramai harus faham bahawa ia memerlukan perbelanjaan yang tinggi.

"Selain itu, ia turut memerlukan sedikit masa dan ia perlu melalui proses selanjutnya sebelum kerja-kerja menaiktaraf sesuatu kemudahan dijalankan," katanya. **WK**



PERKARANGAN Masjid India turut dinaik taraf untuk keselesaan pengunjung.

Pulih imej negatif

PROJEK Pengindahan Jalan Bunus harus menjadi sebuah karya agong yang disokong oleh semua pihak. Ia berikutkan sebuah kawasan yang dianggap daif dan mendapat imej negatif ekoran menjadi sarang warga asing telah menjalani transformasi sekaligus mengubah imej terdahulu menjadi sebuah kawasan yang 'baru' bagi sesetengah pihak.



FREDERICK

Bagi Frederick Ho, 26 yang merupakan pegawai bank menyifatkan projek Pembaharuan Bandar berjaya menukar sebuah kawasan yang agak 'asing' dengan dirinya sebelum ini menjadi

sebuah kawasan yang selesa dan menarik.

"Saya melihat usaha seperti ini merupakan sesuatu yang wajar dilaksanakan kerana kita bergerak ke arah negara yang terkemuka,"

"Justeru, usaha ini perlu diperluaskan agar tiada kawasan yang tertinggal dengan inisiatif ini," katanya.

Beliau yang menetap di Cheras mengakui, imej Jalan Bunus sebelum ini agak asing kerana ia dihuni warga asing.

"Dengan pembangunan ini, ia berjaya mengubah dan menaiktaraf kawasan ini dan ia berpotensi menjadi kawasan tarikan pelancong kerana susun

atur perabot jalan yang menarik.

"Malah sekiranya pada waktu malam, pencahayaan di sini juga sangat baik dan ia menepati konsep negara maju," katanya.

Ujar Frederick, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai pentadbir bandaraya harus membuat keputusan samaada menjadikan kawasan ini sebagai kawasan pelancongan ataupun sebagai kawasan penempatan.

"Inisiatif yang telah dimulakan dengan membangunkan landskap menarik di kawasan ini boleh disifatkan sebagai bagus.

"Sekiranya kita perhatikan di seluruh kawasan ini, ia adalah kawasan rumah kos rendah yang dihuni ribuan orang khususnya warga asing dan ia semestinya tidak bagus kepada imej kawasan ini sebagai tempat pelancongan.

Justeru itu katanya, kerajaan harus memberikan inisiatif yang lebih baik termasuklah membangunkan kawasan tersebut agar ia mencapai matlamat dan objektif pembangunan yang dilakukan. **WK**



365 hari Wilayah Prihatin

WILAYAH PERSEKUTUAN
**WILAYAH
PRIHATIN**



KETUA Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosida Jaafar (kanan) mengiringi Annuar dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KWP.



NAZIRUL ROSELAN

SETAHUN pentadbiran Tan Sri TPr Annuar Musa sebagai Menteri Wilayah Persekutuan boleh disifatkan sebagai tahun yang mencabar apabila mengambil alih jawatan ketika negara berada di dalam keadaan genting ekoran penularan wabak COVID-19. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengakibatkan ekonomi melemah dan pengangguran skala besar berlaku menyebabkan figura



KUMPULAN Koir dari Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL memimpin nyanyian lagu Negaraku dan Lagu Wilayah Persekutuan Maju Dan Sejahtera.




ANNUAR dalam majlis Amanat Menteri Wilayah Persekutuan yang diadakan di Dewan Serbaguna KWP Rabu lalu.

ini tampil memberikan harapan kepada warga kota untuk meneruskan kelangsungan hidup terutama pertambahan miskin bandar di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

Melalui program berteraskan kebajikan dan kecaknaan seperti MY5 dan lain-lain, ia tidak bersifat populariti sebaliknya program tersebut dilaksanakan sebagai memenuhi harapan warga kota untuk meneruskan kelangsungan hidup. Beliau akan terus menjadi 'bapa' yang prihatin yang terus memperjuangkan nasib warga kota berbilang bangsa dan agama demi mendapatkan pembelaan. **WK**

PERADUAN MEWARNA PM106



Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di dalam akhbar WilayahKu di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2018@gmail.com
4. Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.
5. Tarikh tutup penyertaan kali ini adalah 18 MAC 2021.
6. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar WilayahKu Bilangan 109.

3

PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.



Hantarkan video bakat anda yang berumur 14 tahun ke bawah tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk ujibakat dan berpeluang untuk menyertai pasukan produksi WILAYAHKU TV.

DURASI VIDEO TIDAK LEBIH 2 MINIT.

Emailkan kepada:

wilayahku2018@gmail.com

Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.


KEPUTUSAN PERADUAN BILANGAN 97

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM97 dari akhbar WilayahKu Edisi 97:

ELTA NURQAMARINA
(8 tahun)
Kuantan,
Pahang

NURUL FATIHAH
TASNIM
(12 tahun)
Ampang,
Selangor

TRINETRA A/P
POOVAN
(11 tahun)
Presint 11, Putrajaya




Karya Elta Nurqamarina

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Teka Silang Kata TS97 dari akhbar WilayahKu Edisi 97:

NORNAZURAH
NASRI
(29 tahun)
Pandan,
Kuala Lumpur

NANTHINI A/P
KANADASAN
(20 tahun)
Kapar,
Selangor

AFIFAH SYAMSUDDIN
(16 tahun)
Tangkak, Johor



Keputusan pemenang juga diumumkan di portal dan laman Facebook WilayahKu.

TEKA SILANG KATA TS106

MELINTANG

1. Awak dalam dialek Sarawak.
4. Kata seerti dengan bomoh.
7. Peribahasa Cacing _____ bermaksud orang yang selalu gelisah.
9. Naratif _____ merupakan novel Sasterawan Negara Datuk Dr Anwar Ridhwan.
11. Peribahasa Campur _____ bermaksud melibatkan diri atau ambil tahu.
12. Negeri di bawah bayu.

KE BAWAH

2. Perkataan seerti dengan emas.
3. Harimau _____ merupakan nama jolokan bagi pasukan Malaysia.
5. Pelakon utama wanita dalam sebuah pementasan opera.
6. Masyarakat Negeri Sembilan mengamalkan adat
8. Peribahasa Duit _____ bermaksud rasuah atau wang sogokan.
10. Perkataan seerti dengan belanjawan.



Peraduan silang kata ini dijalankan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka. Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2018@gmail.com
3. Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON.
4. Tarikh tutup penyertaan ini adalah pada 18 MAC 2021.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar WilayahKu Bilangan 109.



5 PEMENANG AKAN DIPILIH SETIAP BULAN UNTUK MENERIMA MAJALAH DAN BUKU TERBITAN DBP.
3 PENYERTAAN PALING AWAL DAN TEPAT AKAN MENERIMA BAUCAR TUNAI BERNILAI RM50.00



Kopie Perang, My Berry Drink kebanggaan Zainab



PENGASAS produk Kopie Perang dan My Berry Drink, Zainab Sidek bersama anak bongsunya, Siti Nurhidayah.



BAHAN utama dalam Kopie Perang adalah beras perang, habbatus sauda, madu dan lain-lain.

Manakala My Berry Drink pula mengandungi beras perang, habbatus sauda, madu dan buah beri.

Antara kelebihan produk ini adalah membantu fungsi penghadaman, membantu mencegah sakit jantung dan membantu dalam mengekalkan berat badan yang ideal.

Bukan itu sahaja, minuman ini boleh membantu mengurangkan risiko kanser, membantu cegah pembentukan batu karang dan banyak lagi.

RINDU yang tiada berkesudahan. Hari-hari saya teringatkan arwah, luah usahawan wanita Zainab Sidek, 57, yang kehilangan suami tercinta enam tahun lalu.

Allahyarham suaminya, Kamshan Kasanwardi meninggal dunia apabila kereta yang dipandunya bertembung dengan sebuah lori di Lebuh Raya Latar, Ijok, Kuala Selangor.

Arwah ketika itu dalam perjalanan ke Kuala Lumpur International Airport (KLIA) untuk menjemput anak kawannya yang baru tiba dari Jepun.

Kematian tanpa disangka-sangka membuatkan hati Zainab luluh dan berkurnung selama beberapa bulan kerana terlalu sedih dengan apa yang menimpah arwah suaminya.

"Isteri mana tidak sedih apabila suaminya hilang buat selama-lamanya dalam sekelip mata. Saya rasa seperti jantung nak gugur. Tanpa ada apa-apa petanda, arwah hanya tersenyum lebar sebelum keluar rumah. Tiba-tiba meninggal dunia kerana kemalangan jalan raya.

"Selama enam bulan

berkurung di rumah, walaupun rasa 'lumpuh' separuh badan, saya bangkit demi anak-anak yang masih bersekolah ketika itu.

"Bukan itu sahaja, saya perlu meneruskan perniagaan beras arwah suami demi kelangsungan hidup. Bayangkan saya tidak tahu apa-apa tentang bisnes.

"Namun, saya perlahan-lahan menguatkan semangat diri meneruskan perniagaan tersebut untuk menyara anak-anak," luah Zainab yang mengaku tidak mudah untuk seorang wanita menjadi

usahawan apabila sering dipandang rendah oleh golongan lelaki.

Tanggapan tersebut tidaklah melemahkan, malah menguatkan lagi semangat Zainab.

"Ia tidak mudah, apabila ramai pelanggan dan rakan bisnes memandang rendah terhadap saya ketika itu. Mereka memperlekehkan usaha saya dan tidak mahu memberikan kerjasama.

"Bagi mereka, usahawan wanita seperti saya tidak setaraf dengan mereka. Mereka berasaskan agak janggal berurus dengan

pengusaha beras wanita.

"Tipulah kalau cakap tidak pernah patah semangat. Ditambah lagi dengan pandangan serong sesetengah penduduk kampung terhadap saya apabila selalu balik ke rumah lewat malam.

"Ini kerana banyak urusan perniagaan yang perlu saya selesaikan. Kadang-kadang ia memakan masa lama sehingga saya perlu balik lewat malam.

"Semua itu saya tidak hiraukan. Alhamdulillah... berkat usaha tanpa rasa jemu, lama-kelamaan

saya semakin diterima dalam bidang perniagaan," ujarnya lagi yang kini bahagia bersama anak-anaknya iaitu Amirul Zakwan, 31, Muhammad Zikri, 25, dan Siti Nurhidayah, 15.

JANA PENDAPATAN BERSAMA KOPIE PERANG DAN MY BERRY DRINK

Setelah menghadiri seminar perniagaan pada tahun 2017, Zainab mula mendapat idea untuk menghasilkan minuman harian

berkhiasat berdasarkan beras perang iaitu Kopie Perang dan My Berry Drink.

Zainab melalui syarikatnya Era D Mansion Sdn Bhd menyasarkan untuk mencari 2,000 ejen jualan sehingga akhir tahun ini.

Walaupun negara masih dalam krisis COVID-19, Zainab yakin permintaan tinggi terhadap dua produk minuman itu memberi peluang kepada ejen-ejen untuk menjana pendapatan.

"Alhamdulillah... Walaupun negara masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), permintaan terhadap Kopie Perang dan My Berry Drink sangat menggalakkan.

"Iya, walaupun pergerakan agak terhad untuk menguruskan perniagaan ini, namun dengan adanya kemampuan teknologi, majoriti pelanggan lebih selesa membeli secara dalam talian.

"Jadi, untuk membantu golongan yang terkesan dengan COVID-19, saya membuka peluang seramai mungkin untuk menjadi ejen. Dalam masa yang sama, pengedar produk juga berjalan lancar.

"Buat masa ini, kami mempunyai hampir 30 stokis di seluruh Malaysia. Cuma fokus kami sekarang adalah untuk mencari lebih ramai stokis, ejen atau wakil jualan di seluruh negara," katanya yang menjanjikan banyak kelebihan apabila menjadi ejen. WK



MINUMAN berdasarkan beras perang ini semakin mendapat sambutan kerana banyak khasiatnya.

SESIAPA YANG INGIN MENJADI STOKIS DAN EJEN, BOLEH HUBUNGI DI TALIAN
019-299 6087

ANDA JUGA BOLEH LAYARI FACEBOOK ATAU INSTAGRAM:
MINUMAN SIHAT BERAS PERANG

Dunia persahabatan dalam Cilili dan Momoto



HASNI JAMALI
Penolong Perancang
Bahasa DBP

PADA tahun 2019, watak cili dan tomato yang menghiasi kulit buku bergambar kanak-kanak bertajuk Cilili dan Momoto terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka menjadi sebutan di bibir para sahabat.

Tambahan pula, cerita ini dikarang dengan ayat-ayat yang berrima pada sesetengah halaman. Lalu, cerita dapat diolah menjadi sebuah irama lagu yang boleh dinyanyikan ketika menyampaikan persembahan bercerita kepada kanak-kanak.

Cilili dan Momoto mengisahkan sahabat baik dalam kalangan sayur-sayuran yang disuntik dengan elemen personifikasi. Watak-watak yang ditampilkan mempunyai kelebihan dan kelemahan masing-masing. Cilili iaitu cili mempunyai suara yang merdu. Nyanyianya mendapat pujian daripada rakan-rakannya.

Sebaliknya yang terjadi kepada Momoto iaitu tomato yang pandai bermain gitar tetapi mempunyai suara yang sumbang. Momoto dihimpit dengan perasaan cemburu apabila melihat sahabat baiknya disanjung oleh rakan-rakan. Lalu, Momoto cuba untuk menyanyi tetapi suaranya sumbang. Nasibnya malang apabila Momoto diejek oleh rakan-rakannya. Sebagai sahabat yang baik, Cilili memujuk Momoto agar yakin dengan kebolehan yang dimiliki iaitu pandai bermain alat muzik. Cilili juga menasihatkan rakan-rakannya agar saling menghormati antara satu sama lain.

Begitulah yang ingin disampaikan melalui perwatakan setiap watak yang terdapat dalam buku Cilili dan Momoto. Kekuatan dalam sesebuah persahabatan amat penting kepada kanak-kanak dalam membina hubungan baik

sesama masyarakat.

Melalui pembacaan buku khususnya buku bergambar kanak-kanak yang menampilkan berbagai-bagai nilai murni dan pengajaran ini dapat membantu kanak-kanak membangunkan jati diri yang baik sejak kecil lagi.

Cerita yang ditampilkan dalam Cilili dan Momoto dapat memberikan pengaruh baik kepada minda dan tumbesaran kanak-kanak.

Hal ini dapat dilihat melalui beberapa kelebihan yang dapat digambarkan dalam Cilili dan Momoto.


Kelebihan pertama ialah cerita yang dikarang dapat memberikan idea kepada kanak-kanak tentang nilai murni, kepercayaan dan budaya hidup bermasyarakat. Persahabatan akrab antara Cilili dan Momoto boleh dijadikan contoh nilai murni kepada pembaca khususnya kanak-kanak.

Cilili tidak meninggalkan Momoto apabila sahabatnya itu kesedihan. Cilili memujuk dan memberikan nasihat agar sahabatnya kembali ceria.

Nilai persahabatan dalam buku kanak-kanak menjadi salah satu tema dalam karya kreatif yang digunakan di seluruh dunia. Hal ini kerana selain daripada ibu, bapa dan adik-beradik, sahabat juga merupakan insan terdekat yang ada dalam persekitaran kita.

Kanak-kanak berpeluang memahami kehidupan sebenar berdasarkan penceritaan yang ditonjolkan dalam Cilili dan Momoto. Kehidupan sebenar yang dimaksudkan adalah tentang kelebihan dan kelemahan yang terdapat dalam diri.

Cilili dan Momoto menjadi wakil kepada watak-watak manusia apabila kelebihan Momoto yang tidak boleh menyanyi dijadikan



sebagai satu pengajaran agar kanak-kanak harus menghargai setiap bakat yang ada

dalam diri. Walaupun Momoto tidak pandai menyanyi tetapi Momoto boleh bermain gitar dengan baik. Nyanyian Cilili akan menjadi lebih sedap didengar apabila diiring muzik daripada petikan gitar sahabatnya.

Seterusnya, kelebihan yang dirasakan Momoto itu sebenarnya merupakan satu kekuatan yang akan saling melengkap dalam kehidupan.

Kanak-kanak juga dapat belajar tentang budaya hidup dalam masyarakat melalui kisah Cilili dan Momoto. Misalnya, pada halaman 28 dan 29 digambarkan sahabat sayur-sayuran ini saling bergembira ketika memujuk Momoto. Melalui gambaran ini kanak-kanak dapat melihat bahawa budaya dan nilai kedamaian amat penting dalam hidup bermasyarakat.

Selain itu, buku bergambar kanak-kanak ini juga dapat meningkatkan daya pemikiran kreatif kanak-kanak.

Mereka dapat menggunakan daya imaginasi untuk diadaptasikan dalam



BANGKITLAH NUSAKU

Lihatlah, berapa lama gapura itu mampu bertahan daripada dirobek kesetiaan tanpa dimengerti perjuangan tanpa dikenang jasa negarawan.

Bangkitlah,
bersama menyanggah
amarah haloba
cuba mengaburi mata

dengan kekayaan
cuba memamah jiwa
dengan kemewahan
demti pertiwi bersatulah kita
kerana itu salasilah sebuah nusa
yang dibina dengan semangat setia

Lim Wei Wen
Kolej Rahman Putra
2 Mac 2021

kehidupan sebenar. Ilustrasi dan penggunaan warna yang menarik mampu membangkitkan rasa ingin tahu kanak-kanak tentang watak-watak yang dibaca.

Hal ini membantu kanak-kanak mengenal jenis sayur-sayuran melalui pembelajaran mereka daripada buku Cilili dan Momoto. Kanak-kanak juga dapat belajar mengenal dan merasai nilai sentimental melalui buku ini dibantu oleh lukisan ilustrasi yang unik dan berkesan.

Melalui maklum balas daripada pembaca, mereka memberitahu bahawa anak-anak mereka akan sama-sama berair mata apabila melihat Momoto menangis di celah batu. Kesan emosi ini boleh menyuntik semangat kepada kanak-kanak agar dapat mengambil perajaran daripada cerita yang disampaikan.

Kesimpulannya, buku Cilili dan Momoto ini memberikan satu pengalaman menarik ketika membacanya. Banyak nilai dan pengajaran dapat diperoleh pembaca sama ada pembaca dewasa maupun kanak-kanak. **WK**

Kata kerja: mengingat dan mengingati

SOALAN:

Apakah perbezaan maksud ayat 1 dan ayat 2 di bawah ini:

1. Saya mengingat ayah.
2. Saya mengingati ayah.

Daripada:
Puan Lim,
Kuala Lumpur.

JAWAPAN:

Ayat 1, iaitu "Saya mengingat ayah" tidak gramatis, manakala ayat 2, "Saya mengingati ayah" gramatis,. Perkataan mengingat bermaksud mengadakan sesuatu dalam fikiran.

3. Saya cuba mengingat pesanan ayah tadi, iaitu ayah menyuruh saya membeli gula, tepung dan minyak masak.

Perkataan mengingati pula bermaksud sentiasa ingat akan atau mengenang.
Ayat contoh:

4. Saya akan mengingati jasa ayah yang telah membesar dan mendidik saya hingga saya berjaya seperti sekarang.


5. Saya akan mengenang jasa ayah yang telah membesar dan mendidik saya hingga saya berjaya seperti sekarang.

Kata penguat belakang: nian:

SOALAN:

Apakah maksud "nian" dan bagaimanakah penggunaan perkataan tersebut dalam ayat?

Daripada:
Azida Izura Azizol Hasan,
Kuala Lumpur.



JAWAPAN:

Ayat 1, iaitu "Saya mengingat ayah" tidak gramatis, manakala ayat 2, "Saya mengingati ayah" gramatis,. Perkataan mengingat bermaksud mengadakan sesuatu dalam fikiran.

1. Wanita dari Kemboja itu cantik nian.
2. Hebat nian pemain penyerang bola sepak Brazil itu.
3. Saya memang setuju nian tentang cadangan beliau itu.



SILA IMBAS KOD QR UNTUK MEMBACA VERSI PDF MAJALAH DEWAN BAHASA DAN DEWAN SASTERA SECARA PERCUMA.



DEWAN BAHASA



DEWAN SASTERA

Wanita Bangkit Mendepani Cabaran



DEEL ANJER

SELAMAT Hari Wanita Sedunia. Wanita Bangkit Mendepani Cabaran diangkat sebagai tema sambutan tahun ini bagi meniup semangat juang kepada golongan hawa

dalam mengharungi cabaran hidup masa ini.

Lebih-lebih lagi sumbangan besar kaum ini dalam pelbagai bidang terutamanya ketika negara berhadapan pandemik COVID-19.

Ini semua membuktikan peranan wanita sangat penting dalam seluruh aspek kehidupan termasuk pembangunan negara.



ZOEY RAHMAN

Doa ibu kuasa luar biasa

BAGI pelakon dan pengacara, Zoey Rahman, ibunya Azizah Ibrahim, 64, adalah wanita paling agung dalam hidupnya.

Sempena Hari Wanita, Zoey yang juga pengasas produk Mika Series berharap semua orang menghargai ibu yang sanggup bertarung nyawa untuk melahirkan dan membesarakan anak-anak.

"Alhamdulillah.. Kejayaan saya sebagai usahawan adalah daripada doa seorang ibu. Bagi saya, doa ibu adalah kuasa luar biasa yang sukar digambarkan dengan kata-kata. Tanpa doa ibu, hidup saya pun tidak ke mana."

"Menyentuh tentang cabaran hidup, seorang ibu sanggup menempuh apa sahaja cabaran demi kebahagiaan anak-anak. Saya pun tidak ada ayat atau perkataan yang sesuai untuk menterjemahkan betapa hebatnya pengorbanan seorang ibu."

"Ibu sering mengingatkan saya agar menjaga solat. Alhamdulillah, berkat doa ibu bapa, saya berjaya di dalam perniagaan. Mereka berdoa siang dan malam untuk saya," luah Zoey yang menjadi inspirasi ramai apabila menghadiahkan sebuah kondominium bernilai kira-kira RM500,000 kepada ibu bapanya.

Bangkitnya wanita bukan untuk mencabar lelaki

MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun menjelaskan, peranan wanita bukanlah sebagai pencabar kepada lelaki, ia sebaliknya menjadi pelengkap kepada kaum berkenaan.

"Perlu kita saling ingat-mengingati bahawa bangkitnya wanita bukanlah untuk mencabar dunia lelaki, tetapi untuk kita berperanan saling melengkap."

"Atas sebab itu, pentingnya untuk kita turut mendapat sokongan lelaki, sebagai ejen perubahan, ia akan membuka lebih banyak ruang bagi mencapai inklusiviti untuk wanita."

"Semoga motivasi ini menjadi pencetus kepada kesedaran yang lebih tinggi, oleh semua pihak bahawa penyertaan wanita dalam peringkat membuat keputusan sesebuah organisasi, bukanlah bersifat 'penyeri halaman', tetapi pandangan, kepakaran serta ketelitian mereka adalah salah satu penyebab kepada tadbir urus serta keputusan pelaburan yang lebih baik bagi syarikat," jelas Rina Harun yang menegaskan kepentingan peranan wanita.

Rina juga mengatakan, tema yang dipilih sempena Hari Wanita 2021 ini adalah bersesuaian dengan situasi semasa sekarang.

"Pemilihan tema 'Wanita Bangkit Mendepani Cabaran' pada tahun ini juga telah kita sesuaikan, dengan konteks semasa di mana masih terdapat beberapa halangan yang perlu ditangani dalam usaha kita mengangkat martabat wanita."

"Contohnya, stereotaip terhadap kepemimpinan wanita, serta isu-isu keganasan berdasarkan 'gender', yang masih menyasarwan wanita, termasuklah sebagai mangsa pemerdagangan manusia, eksloitasi seks dan juga keganasan rumah tangga."

"Tidak cukup dengan situasi diskriminasi yang didepani para wanita, kini, pandemik COVID-19 pula telah memberikan dugaan baharu yang lebih mencabar untuk kelompok itu meneruskan kehidupan."

"Atas sebab inilah, tema ini diangkat bukan sekadar sebagai suatu penegasan terhadap kesukaran yang dilalui rakyat terutamanya wanita dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19, tetapi bersama dengannya, Kementerian komited untuk melaksanakan perubahan bagi membela hak-hak manusia sejagat, khususnya wanita," jelasnya lagi.



RINA HARUN

Tina mahu bela hak wanita

MODEL yang juga peguam muda, Qistina Sofia Abdul Aziz, 25 atau Tina nekad mahu membantu kaum wanita yang kebanyakannya tidak tahu hak mereka.

"Memang niat saya ketika mula-mula belajar undang-undang adalah untuk membantu ramai wanita, kerana sesetengah mereka tidak tahu apa hak yang sebenarnya sama ada sebagai isteri mahupun bekas isteri. Misalnya kes yang pernah kita dengar iaitu wanita yang kematian suami teraninya oleh keluarga suami dalam hal pembahagian harta."

"Ramai juga yang tidak menggunakan khidmat peguam untuk membela nasib mereka kerana kos guaman yang tinggi."

"Alhamdulillah.. Ramai wanita di luar sana yang mesej di Instagram meminta nasihat yang berkaitan hak dan undang-undang. Jadi ini adalah salah satu cara untuk saya membantu kaum terbabit yang mungkin tidak tahu bagaimana mahu menyelesaikan masalah mereka."

"Menyahut tema Wanita Bangkit Mendepani Cabaran, saya sendiri bersedia untuk berhadapan dengan apa sahaja cabaran dalam membantu kaum wanita terutamanya yang teraninya, Insya-Allah," luah Tina lagi. **WK**



QISTINA SOFIA

18



12 - 18 MAC 2021 . WILAYAHKU




DREAM MALAYSIA VIDEO CHALLENGE

cuti-cuti
MALAYSIA®

www.malaysia.travel

SCAN HERE



JOIN US NOW!

CHALLENGE DATE : 13 - 28 MARCH 2021

PL komited laksana kempen kesedaran, amalan sanitasi, promosi norma baharu

Tiga strategi cegah COVID-19



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PERBADANAN Labuan (PL) komited dalam usaha menerapkan pembudayaan norma baharu bagi mencegah penularan COVID-19 dalam komuniti dengan melaksanakan tiga strategi utamanya.

Tiga strategik itu meliputi pelaksanaan pembudayaan norma baharu dalam komuniti akan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu kempen kesedaran, amalan sanitasi dan promosi pembudayaan norma baharu.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Dr Fary Akmal Osman** berkata, kempen itu merupakan satu keutamaan pihaknya sebagai pihak berkuasa tempatan dalam mencegah penularan COVID-19.

"PL sebagai pihak berkuasa

sa tempatan dan agensi utama di Labuan perlu menjadi peneraju dalam memberi kesedaran tentang keperluan pembudayaan norma baharu terhadap komuniti.

"Kita juga akan turut bekerjasama dengan Jabatan Penerangan (JaPeN) Labuan bagi pelaksanaan kempen kesedaran," katanya kepada pemberita ketika di Majlis Pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baharu di Bangunan Wisma Perbadanan Labuan, pada Sabtu lalu.

Dalam pada itu, Fary turut menjelaskan bahawa pihaknya telah menyumbangkan sebanyak 136 set peralatan sanitasi kepada 40 buah sekolah menengah dan rendah, agama dan tafhiz.

"Unit Kesihatan PL akan menyelaras keperluan latihan bagi kaedah serta tatacara sanitasi kepada semua penerima peralatan sanitasi," katanya.

Hadir sama, Timbalan Ketua Eksekutif (Pembangunan) Ibrahim Tambi dan Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon



BASHIR (dua dari kanan) bersama Fary (hujung kanan) menyerahkan peralatan sanitasi kepada penerima ketika Majlis Pelancaran Pembudayaan Norma Baharu di Wisma PL, pada Sabtu lalu.

Labuan Dzulfaizal Ab Manan.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Penasihat PL, **Senator Datuk Bashir Alias** berkata komuniti harus bersama-sama membantu pihak kerajaan khususnya dalam

memerangi penularan COVID-19 ini dan harus menganggap diri mereka sebagai petugas barisan hadapan serta sentiasa mengamalkan pembudayaan norma baharu seperti mana yang telah digariskan oleh kerajaan.

"Setiap masyarakat dituntut agar bersama-sama untuk menggalas peranan serta tanggungjawab dalam pembudayaan norma baharu," katanya. WK

800 peluang pekerjaan dibuka kepada anak tempatan di Labuan

HAMPIR 800 peluang pekerjaan sektor minyak dan gas dibuka kepada anak tempatan di pulau bebas cukai itu menerusi Turnaround Petronas PC Methanol bermula pada 8 Mac tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan (PL) **Dr Fary Akmal Osman** berkata, hasil daripada perbincangan dan kesepakatan dengan pihak Petronas PC Methanol Labuan telah menawarkan 800 peluang pekerjaan bagi aktiviti penyelenggaraan dan *turnaround* bagi tahun ini.

Katanya, selain itu sebanyak 49 peratus nilai kontrak bagi kerja-kerja penyelenggaraan itu turut diberikan kepada kontraktor tempatan.

"Kita (PL) ucapan terima kasih kepada Petronas PC Methanol Labuan kerana

telah menawarkan peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

"Inisiatif ini merupakan usaha PL menerusi Skim MYJob@Wilayah dibawah Wilayah Cakna yang diperkenalkan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bagi mewujudkan pekerjaan kepada warga Wilayah Persekutuan," katanya kepada Wilayahku.

Dalam pada itu, Fary turut berkata pihaknya sentiasa bekerjasama erat dengan pihak sektor swasta dalam membangunkan ekonomi Labuan.

"Sebagai pihak berkuasa tempatan, PL akan membantu dalam aspek keselamatan dan perbandaran bagi memastikan aktiviti Petronas Turnaround PC Methanol berjalan lancar," katanya. WK



FARY (tengah) bersama kakitangan Petronas PC Methanol Labuan selepas perbincangan bagi membuka peluang pekerjaan kepada anak tempatan.



ZULKIFLI (tengah) menyerahkan mock cek bantuan kepada kakitangan agensi agama di Labuan.

100 kakitangan JPM terima bantuan

SERAMAI 100 kakitangan dibawah agensi Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) berpendapatan rendah menerima bantuan wang tunai yang membabitkan sejumlah RM20,000.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) **Senator Datuk Dr Zulkifli Mohammad Al-Bakri** berkata, bantuan itu akan disalurkan kepada 100 orang kakitangan agensi agama di Labuan berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

"Bantuan itu merupakan usaha bersama dengan pihak Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi membantu kakitangan yang mungkin

menghadapi kesukaran pada waktu pandemik COVID-19," katanya.

"Mereka juga tergolong B40 meskipun bertugas di JPM, maka dengan itu perlulah kita santuni sebagai membangkit semangat mereka untuk meneruskan pekerjaan mereka dengan sebaiknya."

Beliau berkata sedemikian di Majlis Amanat Bersama Warga Agensi Wilayah Persekutuan Labuan di Kompleks Darul Kifayah pada Selasa.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Operasi JAKIM Dr Nordin Ahmad, Pengarah JAWI Datuk Mohd Ajib Ismail dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP Mohd Nizam Yahya. WK

KOMUNITI & MPP

Pembaca Wilayahku boleh kongsikan foto-foto dan aktiviti menarik untuk siaran ruangan ini. Hantarkan e-mel foto berserta keterangan mengenai aktiviti atau program tersebut kepada kami di editorwilayahku@gmail.com dan WhatsApp 011 - 5958 7489. Lampirkan juga nama pengirim dan nombor telefon untuk dihubungi.

Agihan sumbangan manfaatkan penduduk B40 di Wangsa Maju

SYAHIDI BAKAR

DUA lokasi penempatan di Wangsa Maju, Taman Melati 12AB dan Flat Sri Kedah antara kawasan terkini menerima bantuan prihatin, baki makanaan dan MYBeras diserahkan oleh Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPP) Parlimen Wangsa Maju.

Pengerusinya, Datuk Hamdan Mohd Yusof ketika menjelaskannya berkata, setiap lokaliti menerima sejumlah 100 FoodBasket dan 100 kampit beras diagih kepada penduduk memerlukan khususnya kalangan B40 dan warga emas.

Beliau berkata, urusan agihan tersebut dilakukan dengan kerjasama MPPWP Sub Zon 2, Parlimen Wangsa Maju bagi melancarkan proses serahan barang kepada para penerima.

"Alhamdulillah dua hari

lalu, kami telah pun selesai memanjangkan sumbangan berupa baki makanaan dan MYBeras@Wilayah yang merupakan antara inisiatif prihatin dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

"Kami selaku wakil perantara telah memberikan sumbangan tersebut kepada penduduk dikenal pasti serba memerlukan. Diharapkan dengan ada bantuan ini, dapat meringankan beban belanja isi rumah para penerima.

"Secara keseluruhan, sebanyak 1,000 baki makanaan dan MYBeras diagihkan oleh semua 6 Sub Zon MPPW di Wangsa Maju telah memanfaat warga penduduk yang serba kekurangan," katanya.

Inisiatif prihatin rakyat yang diperkenalkan KWP itu diagihkan secara berkala iaitu setiap minggu bagi membantu

golongan rakyat B40 yang telah terkesan akibat penularan pandemik COVID-19.

Menurut Hamdan inisiatif bantuan diberikan tidak terhad kepada isi rumah semata-mata, sebaliknya turut dipelbagai dengan bentuk sumbangan yang bersesuaian kepada golongan sasaran.

Katanya, antara sumbangan lain turut dijaya oleh MPPWP Zon Parlimen Wangsa Maju termasuklah pemberian topeng pelitup muka kepada sekolah untuk kegunaan pelajar dan guru-guru.

"Baru-baru ini, kami serahkan 1,800 kotak topeng muka untuk kegunaan pelajar bakal duduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di lapan sekolah menengah sekitar Wangsa Maju," katanya sambil tegaskan komitmen MPPWP di dalam membela kebijakan warga sentiasa diutamakan. WK



HAMDAN Mohd. Yusof menyerahtakan bantuan baki makanaan dan MYBeras kepada penduduk di sekitar Parlimen Wangsa Maju.



JOHARI Abdul Ghani menyerahtakan bantuan barang keperluan dapur kepada lebih 700 penduduk dari 7 buah kampung sekitar Kampung Bharu, Kuala Lumpur.

700 penduduk Kampung Bharu terima sumbangan

SEJUMLAH lebih 700 penduduk yang menetap di perkampungan sekitar Kampung Bharu, Kuala Lumpur, menerima barang keperluan dapur hasil sumbangan Yayasan Bena Nusa.

Bantuan berupa barang kering meliputi beras, gula, tepung, susu dan lain-lain diagihkan sendiri Pengurus Yayasan, Datuk Seri Johari Abd. Ghani di Dewan Orang Ramai MAS, Kampung Paya.

Menjelus lanjut, Johari berkata bantuan prihatin disumbangkan kepada penduduk dari 7 kampung iaitu Kampung Paya; Kampung Periuk, Kampung Pindah, Kampung Sg Baru, Kampung Hj. Hussain, Kampung Kariah Atas A dan B selain Kampung Hujung Pasir untuk meringankan beban belanja.

"Selain membantu penduduk rata-ratanya adalah B40, Program Sumbangan

#TerusBerkakti3.0 dan #JOHARIGHANI itu turut mensasarkan golongan pengundi Parlimen Titiwangsa.

"Jadi oleh kerana penduduk ini warga Kampung Bharu maka wajar sumbangan ini diberikan untuk menyantuni kebijakan mereka," katanya yang juga Ketua UMNO Bahagian Titiwangsa dan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan. WK

2 NGO santuni petugas barisan hadapan

MENYEDARI kegigihan petugas barisan hadapan negara yang sentiasa komited serta berdedikasi menjaga keselamatan tanpa mengira masa telah mendorong dua Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

tampil menyantuni mereka. Bagi menghargai sumbangan petugas, Halaqah Muslimat Bandar Tun Hussein Onn (BTHO) dan Cheras bersama dengan Pasti (Pra Tahfiz) Nurul Iman (PNI) menganjurkan program 'Snack plate 4 the unsung heroes' baru baru ini.

Guru Besar PNI, Ustazah Noreha Othman berkata, objektif utama program adalah untuk menghargai jasa dan pengorbanan petugas barisan hadapan dalam memerangi pandemik COVID-19 di negara ini termasuk di Bandar Tun Hussein Onn, Cheras.

Beliau berkata, sebaik sahaja Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksana mulai 18 Mac 2020 lalu, petugas barisan hadapan telah menggalas amanah besar menjaga keselamatan dan juga kebijakan rakyat tanpa mengenal arti lelah.

Jadi, katanya, bagi menghargai pengorbanan dan jasa mereka, semakin banyak pihak tampil untuk menyumbang kepada petugas yang membantu mengekang penularan pandemik COVID-19.

"Program Snack plate 4 the unsung heroes yang kami jayakan turut mendapat sambutan daripada masyarakat begitu menggalakkannya. Penyumbang dana terdiri daripada komuniti, kariah masjid dan surau serta kalangan ibu bapa pelajar terbabit.

"Secara keseluruhannya,

seramai 125 kakitangan Klinik Kesihatan BTHO dan Klinik Kesihatan Batu 9, Cheras telah menerima sumbangan set minum petang. Terpancar keceriaan pada wajah petugas sewaktu mendapat juadah disumbangkan untuk mereka setelah seharian bekerja," katanya.

Menurut Ustazah Noreha, kalangan petugas juga berbesar hati serta terharu setiap kali menerima kunjungan Halaqah Muslimat dan PNI yang amat menanjung jasa dan pengorbanan para petugas barisan hadapan yang cukup besar.

"Adalah diharapkan sumbangan ini dapat berikan suntikan motivasi kepada mereka untuk sentiasa berkhidmat dengan cemerlang demi manfaat dan kebaikan bersama," ujarnya. WK



NOREHA Othman (tengah) ketika hadir BH memberi sumbangan set minuman petang di dua Klinik Kesihatan Bandar Tun Hussein Onn dan Cheras, baru-baru ini.

PEJABAT MUFTI WILAYAH
PERSEKUTUAN

Soalan

Assalamualaikum SS Datuk Dr. Mufti. Apa hukum hadiri solat Jumaat dalam keadaan wabak COVID-19 sedang merebak?

Jawapan

Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga, sahabat dan mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

Kami mulakan dengan firman Allah SWT:

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu), yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”

(Surah al-Jumu'ah: 9)

Ayat di atas adalah merupakan antara dalil pensyiaran dan kewajipan solat Jumaat. Selain itu, solat Jumaat juga adalah antara beberapa kelebihan yang dikurniakan khusus kepada umat Nabi Muhammad SAW supaya mereka mendapat kemuliaan hari Jumaat tersebut. (Lihat al-Fiqh al-Manhaji (1/198)

Solat Jumaat juga merupakan ibadat yang sangat agung dan mempunyai fadhilat yang banyak. Antaranya ialah sebagai penghapus dosa dalam setiap minggu. Daripada

Hukum solat Jumaat dalam suasana COVID-19

Abu Hurairah R.A, bawa Rasulullah SAW bersabda:

“Solat Fardhu lima waktu, (Sembahyang) Jumaat hingga ke Jumaat (seterusnya), Ramadhan hingga Ramadhan seterusnya adalah semuanya ini penebus dosa di antara keduanya selama mana tidak dilakukan dosa-dosa besar.”

Riwayat Muslim (209)

Solat Jumaat diwajibkan kepada mereka yang memenuhi tujuh syarat berikut, iaitu:

Beragama Islam

Baligh

Berakal

Merdeka (bebas) sepenuhnya.

Lelaki

Sihat tubuh badan.

Bermukim di tempat solat Jumaat didirikan.

Sekiranya seseorang itu telah cukup ketujuh-tujuh syarat ini, maka diwajibkan solat Jumaat ke atas dirinya. (Lihat al-Fiqh al-Manhaji, 1/200-201 dan Matla' al-Badrain (disusun oleh PMWP), 1/159)

Dalam isu di atas, kami nyatakan di sini pandangan daripada beberapa Badan Fatwa Berautoriti, antaranya:

Majlis Fatwa Syar'i UAE: “Haram hukumnya bagi seseorang yang dijangkiti atau disyaki dijangkiti virus tersebut untuk berada di tempat yang umum atau pergi ke masjid untuk menuaikan solat Jumaat, berjemaah mahupun solat hari raya. Wajib juga untuk

mengambil segala langkah pencegahan.”

Majlis Fatwa Wilayah Kurdistan: “Solat Jumaat tidak boleh dibatalkan, melainkan di tempat-tempat di mana virus tersebut telah menjadi satu epidemik yang tersebar secara meluas.” Pendapat yang sama dikemukakan oleh Fatwa Committee of the Assembly of Muslim Jurists of America (AMJA).

Kami nukilkan juga di sini pendapat Syeikh Ali al-Qaradagi yang menyebut: Harus untuk meninggalkan solat Jumaat dan solat berjemaah dalam keadaan virus yang sedang tersebar disebabkan oleh takut dijangkiti virus tersebut. Beliau menyebut keharusan tersebut perlulah disyaratkan bahawa ketakutan penyebaran itu benar-benar yakin berlaku dan bukanlah sekadar sangkaan semata-mata.

Berdasarkan sabda Rasulullah SAW:

“Sesiapa yang mendengar orang yang melaungkan azan maka tidaklah yang keuzuran menghalangnya dari mengikutinya (hadir solat berjamaah).” Para sahabat bertanya: “Apakah maksud uzur?”. Jawab Rasulullah SAW: “Ketakutan atau sakit.”

Riwayat Abu Daud (551) dan al-Daraqutni (1/420)

Berdasarkan dalil di atas, terdapat tiga jenis ketakutan

yang dimaksudkan. Antaranya adalah takut ke atas diri sendiri, takut ke atas harta benda, dan juga takut ke atas ahli keluarga. Kebimbangan terhadap ancaman wabak COVID-19 pada peringkat awal penularannya merupakan suatu perkara yang jelas ditakuti. Hal ini demikian kerana, orang ramai masih lagi belum memahami wabak tersebut secara menyeluruh.

Oleh itu, meninggalkan solat Jumaat pada ketika ini adalah suatu perkara yang dibolehkan.

Walau bagaimanapun, alasan takut ini hanya terpakai dalam keadaan-keadaan yang tertentu sahaja. Ia tidak boleh digunakan selama-lamanya. Pada masa yang sama, ketakutan itu juga mestilah sesuatu yang diyakini akan bahayanya bukan sekadar sangkaan semata-mata. Meninggalkan yang wajib tidak dibenarkan kecuali setelah ghalabah zhan (sangkaan yang kuat). Ataupun disebabkan arahan dari ulil amri (pemerintah) dan juga ahli ikhtisas (golongan yang pakar). [1]

Kesimpulan

Berdasarkan kepada nas dan pandangan ulama', kami bahagikan isu ini kepada dua keadaan:

Pertama:

Dalam keadaan wabak COVID-19 masih terkawal menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, solat Jumaat

hendaklah diteruskan dengan beberapa syarat seperti:

Khutbah dipendekkan
Orang ramai berwuduk di rumah

Mereka yang ada simptom COVID-19 tidak perlu hadir solat Jumaat kerana termasuk dalam golongan orang yang sakit

Pihak masjid atau jemaah juga wajib menyediakan hand sanitizer dan penutup mulut sebagai langkah pencegahan dan keselamatan

Kedua: Sekiranya kapasiti kehadiran jemaah di masjid dan surau telah diperluaskan, maka disarankan kepada umat Islam untuk mengambil beberapa langkah berikut :

Mendaftarkan diri untuk menghadiri solat Jumaat

Berusaha pergi ke masjid ataupun surau yang melaksanakan solat Jumaat pada tengahari Jumaat

Redha dan berlapang dada seandainya tidak tersenarai sebagai jemaah

Bagi jemaah yang tidak terpilih, wajib mengantikannya dengan solat Zohor di rumah masing-masing.

Tidak keluar berpeleseran semasa orang lain sedang menunaikan solat Jumaat

Semoga Allah SWT mengurniakan ilmu dan kefahaman kepada kita dalam melaksanakan segala titah perintah-Nya. Amin.



Aidil wujudkan pusat terapi urutan sukan

Khidmat bakti untuk masyarakat



AINI MAWAWI

TIDAK hanya aktif bersukan, atlet muda **Muhammad Aidil Taufek**, 22, turut mengaplikasikan bidang pengajiannya dengan memberi perkhidmatan terapi urutan sukan kepada masyarakat.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Ketangkasan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) ini berkata, urutan tersebut lebih kepada pemuliharaan serta pencegahan kecederaan.

"Urutan terapi sukan banyak saya pelajari di universiti. Kaedah ini dapat mencegah serta mengurangkan peratusan kecederaan terhadap atlet."

"Ini kerana, kecederaan biasanya membuatkan seseorang atlet terpaksa bersara lebih awal," ujar atlet lontar peluru ini kepada *Wilayahku*.

Katanya lagi, teknik tersebut terbukti mampu melegakan serta memberi kelebihan kepada ahli sukan

untuk meningkatkan tahap prestasi yang maksimum.

"Alhamdulillah, khidmat saya disambut baik bukan sahaja dalam kalangan atlet bahkan orang biasa juga turut berminat dengan urutan terapi ini, "ujarnya yang turut menggunakan peluang tersebut untuk mencari duit poket.

Bercerita lanjut tentang bidang sukan, anak ketiga daripada lima orang adik-beradik ini mula aktif sejak berada di bangku persekolahan.

"Masa sekolah dulu saya aktif dalam sukan lempar cakra namun ia tidak begitu sesuai dengan saya memandangkan sukan tersebut memerlukan atlet yang lebih tinggi dan tangan yang panjang. Disebabkan itu, saya memilih sukan lontar peluru," ujarnya.

Berjaya mencatat balingan pada jarak 14.6 meter, Aidil bercita-cita untuk mempertingkatkan prestasinya kepada 20 meter.

"Saya memasang impian untuk beraksi pada Sukan SEA di masa akan



Pencapaian Muhammad Aidil

2018 - Sukan Asia Universiti, 2018
- Nombor 4

2018 - Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT)
- Emas

2018 & 2016 - SUKMA
- penyertaan

2015 - Sukan Sekolah Asia, Brunei
- Emas

Instagram & Facebook : aidil_stori

datang. Disebabkan itu, saya cuba berusaha sebaik mungkin," ujarnya yang turut bergelar jurulatih sambilan. **WK**

MOM masih rangka cadangan skim pencen atlet Olimpik

MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM) masih lagi dalam proses merangka struktur kepada cadangan skim pencen kepada atlet Olimpik, kata Presidennya **Tan Sri Mohamad Norza Zakaria**.

Beliau berkata, MOM sedang bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Sukan Negara (MSN) berkaitan proses perundungan cadangan yang telah diutarakan tahun lepas itu.

Norza berkata, perbincangan juga diadakan bagi memanjangkan skim itu juga kepada atlet yang telah beraksi dan berjaya pada peringkat antarabangsa yang lebih tinggi, namun sukan itu tidak

tersenarai dalam sukan Olimpik.

"Jadi saya rasa ia lebih luas dan menyeluruh... kami juga menunggu tindakan daripada KBS dan MSN untuk membawa perkara ini ke peringkat tertinggi secepat mungkin. Pada awalnya dicadangkan untuk atlet beraksi di Olimpik sahaja tetapi sekarang, dengan bantuan MSN (kami) memanjangkannya kepada atlet lain, yang akan dimaklumkan kemudian."

"Baru-baru ini saya juga minta untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (EPF) dan (sumbangan)

Perkeso untuk atlet pada mesyuarat Lembaga MSN. Ia telah diterima dengan positif oleh Menteri (KBS)

Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican," katanya dalam sidang akhbar selepas mempergerusikan mesyuarat Lembaga Eksekutif MOM di Wisma MOM pada Selasa.

November lepas, media melaporkan yang MOM telah mencadangkan skim pencen itu untuk dimasukkan di bawah Belanjawan 2021 bagi mengurangkan beban atlet kebangsaan yang telah banyak berkorban demi ke-

jayaan negara di Sukan Olimpik dan pertandingan yang setaraf dengannya, seperti Kejuaraan Dunia.

Sebulan kemudian, Reezal Merican memaklumkan kepada Dewan Rakyat yang kementerian itu sedang berbincang mengenai skim pencen itu, bersama organisasi sukan dan cadangan tersebut akan dibawa ke Kabinet tidak lama lagi.

Pada masa ini, hanya pemenang pingat Olimpik sahaja layak untuk menerima pencen.

Sementara itu Norza berkata, cadangan skim pencen itu merupakan sebahagian daripada usaha MOM, untuk mengalakkkan generasi masa hadapan menjadikan

atlet sebagai karier mereka, yang boleh menyediakan jaminan masa hadapan.

"Yang paling penting ialah menjadi sukan atau menjadi seorang atlet sebagai pilihan kerjaya. Ini kerana ramai atlet berpotensi mengubah fikiran mereka mengenai perkara itu, kerana tiada jaminan mengenai masa hadapan."

"Saya rasakan dengan melaksanakan skim ini ialah untuk memberikan jaminan kepada atlet kita jika mereka berhadapan dengan ketidakpastian, seperti pandemik COVID-19. Kami sedang berusaha keras... kami rasa MSN akan jadikannya sebagai satu keutamaan," katanya. - **BERNAMA**



PENCAPAIAN SETAHUN WILAYAH PRIHATIN

MY BERAS@Wilayah

Program agihan sekampit beras 5kg kepada keluarga di Wilayah Persekutuan melalui MPPWP.



Sumbangan sebanyak **Rm780** kampit beras **Rm4** telah diserahkan kepada keluarga di Wilayah Persekutuan.

Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB)

Memberi peluang kepada warga Wilayah Persekutuan menjalankan aktiviti perniagaan dengan cara yang mudah bermula 15 November 2020 hingga 15 April 2021.



Wilayah Persekutuan negeri pertama melaksanakan IWBB. Seramai **4,642** penjaja dan peniaga kecil telah memohon dan **2,495** permohonan diluluskan.

PROGRAM PEMBANGUNAN USAHAWAN ANAK MUDA KOTA

Program penggalakan usahawan muda kota di Wilayah Persekutuan bagi membantu anak muda yang terjejas akibat pandemik COVID-19.



Seramai **276** orang usahawan muda yang terjejas pada awal tahun 2020 dibantu melalui program ini dan terbuka kepada **1,122** orang anak muda.

Promosi gaya hidup sihat

Lima individu dipilih Ikon AADK

SYAHIDI BAKAR

HARI Antidadah Kebangsaan (AADK) 2021 peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, menyaksikan lima individu terpilih sebagai Ikon Gaya Hidup Sihat Tanpa Dadah.

Semua mereka dinobatkan dalam majlis sambutan yang diadakan secara maya dari Pejabat AADK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (WPKLP) baru-baru ini diserikan lagi dengan amanat Ketua Pengarah AADK, Sutekno Ahmad Belon yang baharu dilantik menggantikan Datuk Seri Zulkifli Abdullah yang bersara wajib.

Walaupun sambutan tahun ini sedikit berlainan dari kebiasaan sebagai mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) mencegah penularan COVID-19, namun



PENGARAH AADK WPKLP, Md. Razif Wan (kiri) menyerahkan sijil lantikan Ikon AADK kepada salah seorang daripada 5 individu yang terpilih.

kemeriahannya tetap dirasai pegawai dan anggota AADK WPKLP apabila pelbagai program signifikan dianjurkan.

Dalam perutusan amanat yang

disampai secara langsung melalui laman sosial Facebook AADK, Sutekno menyarankan kakitangan AADK pelbagai peringkat supaya menggalas amanah yang telah

dipertanggungjawab kepada agensi dengan rasa bangga dan penuh dedikasi.

Beliau turut mengajak para pegawai dan anggota bekerjasama dengannya untuk cekal membasmikan penyalahgunaan dadah dalam kalangan rakyat seterusnya meletakkan tanda aras terbaik untuk AADK Malaysia sebagai agensi yang kompeten.

Sementara itu, sambutan tahunan itu turut diisi dengan pelbagai aktiviti dan program santai yang sesuai bersesuaian pematuhan SOP ditetapkan dengan mengaplikasikan sepenuhnya teknologi internet untuk meraihannya secara dalam talian.

Selain amanat Ketua Pengarah, antara pengisian program termasuk Bacaan Yassin, Bacaan Ikrar AADK, penyampaian Sijil Perlantikan Ikon Daerah Kawasan Berisiko Tinggi (KBT), tiga Ikon

manakala dua Ikon lagi dari Daerah Bukan KBT, selain gimik perasmian Sambutan HADK21 peringkat AADK WPKLP disempenakan oleh Pengaruhnya, Md. Razif Wan.

Selain itu, rakaman ucapan sambutan HADK21 oleh kelima ikon turut diadakan di studio Cytro AADK-WPKLP. Kesemua ikon iaitu Wady Hamdan; Mohd Khairi Md. Jani; Hussin Yussof; Mohamad Shahril Saleh dan juga Muhamad Amirul Mohd Zamri dipilih berdasarkan peranan mereka membantu AADK mempromosikan gaya hidup sihat tanpa dadah dalam komuniti.

Selain itu, mereka turut aktif menghadiri program yang dianjurkan bersama AADK di samping telah membantu AADK menjayakan kempen antidadah dalam komuniti di pelbagai lokasi sebelum ini. **WK**

Kayuhan amal 'Ride For Happiness' rai anak-anak istimewa

AFIFAH AFIZAL

MUNGKIN ramai tidak mengetahui bahawa bulan ini merupakan bulan Kesedaran Cerebral Palsy (CP) manakala Hari Down Syndrome Sedunia bakal disambut pada 21 Mac ini dan Hari Autism Sedunia pula akan disambut pada 2 April bulan hadapan.

Sempena meraikan hari-hari istimewa ini, sebuah program kayuhan secara maya anjuran Bikeshake 'Ride For Happiness' akan bermula pada 16 Mac sehingga 4 April tahun ini.

Sebahagian daripada yuran penyertaan kayuhan amal ini akan disumbangkan kepada Kelab Bikeisable.

Program ini bertujuan untuk memberi sokongan kepada komuniti Bikeisable yang bernaung di bawah Persatuan Malaysian Advocates for Cerebral Palsy (MyCP).

Ini adalah untuk memban-

tu pelaksanaan kempen kesedaran buat anak-anak istimewa yang berlangsung sepanjang bulan Mac hingga April.

Acara ini secara tidak langsung dapat membawa mesej kepada komuniti untuk meraikan anak-anak ini dengan gaya hidup yang sihat serta memberi impak yang positif kepada emosi ibu bapa saat negara berhadapan dengan pandemik COVID-19.

Presiden Kelab Bikeisable dan AJK MyCP, Wira Suddepja Rabu, 46, berkata pihak Bikeshake menghubungi Bikeisable untuk berkolaborasi dalam program ini selepas melihat aktiviti mereka di laman Facebook My Kayuh kerana berpendapat bahawa cara mereka unik selain dapat membantu anak istimewa.

"Bila selalu buat aktiviti, ramai orang yang ingin menyumbang kepada kelab kami.

"Sumbangan program ini akan kami gunakan untuk membeli pe-

ralatan sendiri seperti basikal dan treler supaya anak-anak ini juga ada peluang untuk berbasikal seperti orang lain.

"Kos peralatan mereka sangat tinggi terutamanya yang memerlukan peralatan jadi dengan sumbangan ini, kami gunakan untuk membeli lebih banyak basikal dan treler supaya orang lain dapat menggunakan secara percuma untuk mengikuti aktiviti demi meraih anak ini bersama keluarga mereka, inilah direction kelab kami," ujar Wira yang mempunyai anak istimewa CP, Nur Wadihan, 13.

Di samping itu, Wira turut menghargai usaha Bikeshake kerana memberikan mereka satu platform untuk diadakan secara 'virtual'.

"Bila ada organizer yang buat program secara maya ini, kami masih ada platform untukkekalkan momentum dan sampaikan mesej kesedaran kepada masyarakat.



BASIKAL dan treler anak-anak istimewa di program Kuantan Port Fun Ride, 21 Disember 2019.

dengan gaya hidup sihat.

Program ini terbuka buat semua warganegara Malaysia dan pemasautin tetap tanpa mengira had umur.

Pendaftaran bermula pada 9 Mac hingga 15 Mac yang boleh dilakukan di laman web <https://bikeshake.com.my/order/form/rh/>. **WK**

PENCAPAIAN SETAHUN WILAYAH PRIHATIN

RESIDENSI PRIHATIN
WILAYAH PERSEKUTUAN

Rumah mampu milik berharga sehingga RM200,000 seunit yang berkeluasan minima 750kps untuk belia di Wilayah Persekutuan memiliki kediaman sendiri.



Residensi Prihatin akan dibangunkan di Putrajaya membatikan Presint 5,7,11,16 dan 19. Keseluruhan dijangka siap pada tahun 2025.

Gelandangan (Hijrah Warriors)

Membantu golongan rakan jalanan kembali ke pangkuhan keluarga dan masyarakat, serta membantu mengubah kehidupan ke arah lebih positif.

Seramai 100 orang gelandangan telah menyertai Program Pembangunan Modal Insan

50 orang gelandangan menyertai Program Latihan Industri di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL).

50 orang gelandangan menyertai Program Latihan Kemahiran Pemadanan pekerjaan di syarikat swasta.

23 orang gelandangan terlibat dalam Projek rintis Urban Farming di Taman Desa (Anjung Kelana) untuk mengusahakan tanah lapang di seberang jalan penempatan mereka berkeluasan 1.8 ekar.



Pelaksanaan Pembaharuan Semula

KUALA LUMPUR

Garis panduan Pembaharuan Semula Kuala Lumpur telah dilancarkan pada 28 Januari 2021 bertujuan untuk menjamin kualiti hidup yang lebih baik dalam kalangan warga kota dengan mendiami kediaman lebih besar, relevan dan selesa tanpa bebanan kos tambahan.



Pemilik memperoleh rumah yang baru dengan keluasan 750 hingga 800 kps, 3 bilik, lengkap dengan segala kemudahan seperti kondominium bla bla berbanding rumah lama yang hanya 1 bilik. 30 kawasan terdiri daripada kawasan perumahan awam dan swasta telah dikenal pasti untuk dibangunkan semula.



KL River City lengkapkan RoL, jadi tarikan baharu warga kota beriadah

Sungai Gombak dua tingkat dirancang

NAZWIN NAZRI

SEBUT sahaja Cheonggyecheon di Seoul, Korea Selatan, pastinya orang ramai membayangkan satu kawasan riadah di tebing sungai sepanjang 11 kilometer (km) berkonsepkan alam semulajadi yang dimodenkan.

Berada di tengah bandar pesat dan membangun, pastinya konsep itu sesuai diaplikasikan di Kuala Lumpur yang turut mempunyai beberapa sungai di tengah kota dan wajar diindahkan seperti Projek Sungai Nadi Kehidupan atau River of Life (RoL).

Berkata mengenainya, Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** memaklumkan, kementeriannya akan memperindahkan tebing Sungai Gombak sepanjang dua kilometer dengan menjadikannya sungai bertingkat.

Jelas beliau, projek yang dinamakan sebagai KL River City itu akan memanfaatkan kawasan tebing Sungai Gombak sekali gus menjadikannya satu tarikan pelancongan yang baharu serta

tempat riadah warga kota.

“Bagi melengkapkan RoL, kita akan laksanakan River City, (*to be more exact KL Fun*). Ini satu projek yang akan jadi cerminan dan contoh kerana Sungai Gombak akan dijadikan dua lapis, sepanjang dua kilometer.

“Itu (Sungai Gombak) akan jadi satu-satunya kawasan (sungai bertingkat) di Malaysia. Dengan kaedah ini River Fun akan dapat dimajukan dan banyak impak kepada pembangunan sekitar kerana ia akan bermula di Kampung Puah sehingga PWTC,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Perhimpunan Bulanan KWP dan sambutan setahun meneraju kementerian itu pada Rabu.

Mengulas lanjut, Annuar memberitahu, pada masa ini pihaknya sedang membuat rundingan yang mana aliran kedua sungai tersebut akan dijadikan tempat rekreasi manakala tebing sungai akan dibangunkan dengan pembangunan moden termasuk ruang untuk beriadah dan penjajaan.



TEBING Sungai Cheonggyecheon di Korea Selatan yang dijadikan kawasan riadah sehingga menjadi salah satu tarikan pelancongan. - Gambar hiasan

Ujar beliau, dengan adanya tambahan tersebut, ia sekali gus melengkapkan projek RoL yang

fokus mengubah kualiti air ke tahap lebih baik.

“Tetapi kita juga muah lihat

sambungan Brickfields ke bawah sehingga sempadan Selangor. Itu kita akan mula kajian awal.

“Sekarang sudah panggil pemaju untuk perbincangan dan pihak Kementerian Kewangan juga sudah dimaklumkan tentang perkara itu. Anggaran peruntukan keseluruhan adalah kira-kira RM500 juta,” katanya.

Mengulas lanjut, kata Annuar, pada dasarnya, sebahagian daripada projek itu telah dilakukan secara ‘pertukaran tanah’ namun tergendala kerana terdapat bahagian yang diambil untuk kegunaan lain.

Tambah beliau, pelaksanaan pembinaan dianggarkan kira-kira tiga tahun dengan pembangunan berperingkat-peringkat iaitu fasa pertama melibatkan 0.7km. **WK**

Imbas kod QR untuk tonton video berita ini.



Haiza kongsi kisah artis susah, wanita gila talak

DEEL ANJER

SEJAK negara dilanda pandemik COVID-19, boleh dikatakan setiap hari kita mendengar kisah masyarakat dalam kesusahan.

Realiti ini turut dirasai golongan selebriti yang terpaksa mencari alternatif lain dalam mencari rezeki demi menyara keluarga.

Bagi penyanyi Haiza yang juga penyampai radio Kool FM dia turut merasai perubahan besar dalam kerjaya sejak COVID-19 melanda dunia.

Sebelum pandemik, Haiza atau nama sebenarnya **Rohaizah Nordin**, 41, sering melakukan banyak pekerjaan dalam satu masa yang sama.

Namun fokusnya kini lebih tertumpu kepada radio semata-mata memandangkan sudah kekurangan acara hiburan berbanding dahulu.

“Dulu saya buat tiga atau empat kerja sekali gus. Sekarang sudah tak banyak show memandangkan acara hiburan makin kurang disebabkan SOP

dan sebagainya. Tapi saya bersyukur kerana masih mempunyai pekerjaan tetap.

“Ada dalam kalangan rakan-rakan artis lain berhadapan dengan masalah yang sama sampai terpaksa mencari pendapatan dengan cara lain. Semua orang pun terkesan, ini realiti yang perlu dihadapi semua.

“Mahu atau tidak, semua orang perlu mengambil peluang menggunakan platform digital untuk melakukan apa sahaja demi mencari sumber pendapatan atau mencari rangkaian baru.

“Dengan ada pelbagai platform, sesiapa sahaja mampu mengorak langkah termasuklah berniaga, memasarkan produk dan sebagainya. Saya juga tidak terkecuali dalam hal tersebut untuk mempromosi lagu baharu berjudul Mantan Isterimu.

“Perubahan semasa tetap akan berlaku dan semua orang perlu memanfaatkan peluang yang ada. Kita berusaha dan Tuhan juga yang menentukan, apa yang penting adalah langkah pertama itu. Teruslah berusaha,” katanya lagi.

Menyentuh tentang lagu Mantan Isterimu, Haiza mengaku berasa lega akhirnya lagu tersebut berjaya dilancarkan walaupun diuji dengan pandemik COVID-19.

Lagu yang sudah berada di semua platform digital sejak 22 Februari lalu merupakan karya Ajai dan lirik oleh Iman Imran cukup mudah menangkap hal-hal telinga sesiapa sahaja yang mendengarnya.

“Memang rindu sebenarnya nak mengeluarkan lagu baharu setelah Young & Gentlemen keluar dua tahun lalu. Bila ada peluang begini, sudah pasti saya gembira memandangkan ada produk baharu untuk diberikan kepada peminat.

“Lagu ini sendiri ada banyak perbezaan berbanding dengan lagu terdahulu. Genre *world music* dan *fusion* lebih menghiburkan serta dekat dengan peminat memandangkan ini merupakan asam garam rumah tangga,” kata Haiza yang tidak menolak terdapat wanita di luar yang gila talak apabila berlakunya perceraian. **WK**

Bagi Haiza, masyarakat sering kaitkan gila talak hanya berlaku kepada kaum lelaki, namun hakikatnya ia turut terjadi dalam kalangan wanita yang tidak boleh melupakan bekas suami.

“Kita faham tak semua orang akan *move on* atau melupakan bekas suami bila berlaku perpisahan. Kenapa perkara tersebut terjadi? Hanya mereka sahaja yang tahu apa sebenarnya terjadi sedangkan orang luar terus menerus membuat andaian.

“Semua kisah masyarakat yang berlaku dirumus oleh Iman Imran ke dalam lagu ini. Bagi saya ini sesuatu yang segar, lain dan dekat dengan pendengar,” katanya yang menganggap isu ini dekat dengan masyarakat.

